

Jilid I
Bil. 38



Hari Jumaat
28hb November, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5313]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 5347]

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.49 dan B.50 [Ruangan 5347]

Maksud B.51 hingga B.53 [Ruangan 5387]

Maksud B.54 [Ruangan 5388]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 5347]

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud P.49 dan P.50 [Ruangan 5347]

Maksud P.51 hingga P.53 [Ruangan 5387]

Maksud P.54 [Ruangan 5388]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO" MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negen, DAIO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.I., D.U.N.M., P.I.S- (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menten Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, U.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).

.. Menteri Penerangan, Y. B. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustnan, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZAINAL D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N. P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K, (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N.
(Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAH KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. SHARIFF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan; Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 28hb November, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengemiskan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**TAR JALAN RAYA UTAMA DI
SARAWAK**

1. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah kerja mengetar (Bitumen) jalan raya utama yang pertama di Sarawak akan selesai. Bilakah pula bahagian jalan tersebut dari Simpang Batu Lintang di Daerah Sri Aman, Bahagian Kedua dan Keenam akan selesai ditarkan. Bahagian jalan yang dimaksudkan ini tidak dapat dilalui oleh kenderaan pada musim landas seperti yang berlaku pada bulan Januari dan Februari tahun ini disebabkan keadaan jalan yang begitu teruk.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, jalan raya utama Negeri Sarawak, dari Bau—Lundu ke Miri, sepanjang 989 kilometer sedang dalam perancangan pembinaan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada kedudukan kewangan negara. Dari jumlah itu sepanjang 431 kilometer telah pun diturap, manakala beberapa bahagian lagi sepanjang 111 kilometer sedang dalam proses untuk memanggil tender dan kerja-kerja dijangka bermula pada awal tahun

1987. Kerja-kerja menurap jalan raya utama tersebut bukan sahaja akan mengambil masa yang agak panjang tetapi juga memerlukan wang yang banyak untuk menyiapkannya.

Tuan Yang di-pertua, Kementerian Kerjaraya juga sedar akan keadaan jalan dari Simpang Batu Lintang ke Sempadan antara Bahagian Kedua dan Keenam yang agak teruk terutama sewaktu musim hujan. Beberapa bahagian jalan tersebut dijangka akan diperbaiki pada tahun hadapan dan buat masa ini kerja-kerja mengambil tender sedang disiapkan. Oleh hal yang demikian, saya berharap dengan siapnya kerja-kerja tersebut nanti, masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Saratok itu akan dapat dikurangkan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri iaitu sektor-sektor yang akan diturap pada tahun 1987 di tempat yang tersebut, bunyinya tidak akan turap habis oleh kerana keadaan perbelanjaan, tetapi suka saya bertanya iaitu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kawasan Bahagian Kedua, sektor yang tidak akan diturap sebab tidak habis sampai Bahagian Keenam, di musim tengkujuh biasanya komunikasi di antara Kuching dengan tempat ini tidak ada sekali kerana perairan laut yang selalu dilalui oleh "motor launch" dengan izin, adalah bergelora, menyebabkan barang-barang yang perlu tidak dapat sampai ke tempat

berkenaan. Jika tidak, adakah segala "planning", dengan izin, di manakah tempat atau sektor jalan raya yang akan diturap pada tahun 1987 ini nanti adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri. Jika ya, adakah peruntukan yang dicadangkan daripada Kementerian Kerjaraya untuk tahun 1987 mengetar jalan raya pertama di Sarawak, jauh kurang dari permintaan Kerajaan Negei untuk tahun yang sama.

Kedua, saya suka minta penjelasan iaitu adakah peruntukan belanjawan untuk membina jalan raya pertama di Sarawak, lebih-lebih lagi kebelakangan ini semenjak Pelabuhan Persekutuan dibina di Bintulu, mengambil kira peruntukan jalan raya di sekeliling Bintulu dan terus menuju ke Pelabuhan, patut diambil kira dari luar peruntukan jalan raya pertama negeri Sarawak ataupun tidak?

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Saya jawab yang kedua dulu Tuan Yang di-Pertua. Untuk soalan yang kedua jawapannya tidak. Untuk yang pertama sebagaimana saya telah terangkan tadi, keadaan ini bergantung kepada kedudukan kewangan negara, iaitu bergantung kepada kemampuan dan keupayaan kita dari masa ke semasa, dan keadaan ini akan ditimbang dari masa ke semasa.

PENGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN

2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan pihak manakah yang diberi kuasa undang-undang atau yang menjadi Badan Penguatkuasa yang boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas orang-orang atau pihak yang melanggar peruntukan Undang-undang Bahasa Kebangsaan; jika tidak, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal tindakan undang-undang sekiranya terdapat

sebarang pelanggaran Undang-undang dalam soal penggunaan bahasa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada pihak atau badan tertentu yang diberi kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau pihak yang melanggar peruntukan Undang-undang Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Di antaranya ialah menggubal Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang telah dikuatkuasakan pada 1hb September, 1967 di Semenanjung Malaysia. Akta ini memperuntukkan bahawa, selepas 1hb September 1967, Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi.

Penggunaan Bahasa Kebangsaan di tempat-tempat awam pula seperti nama syarikat, perniagaan dan pertubuhan dikawal oleh, dengan izin, Companies Act 1965, Registration of Businesses Act 1956 dan Societies Act 1956 dan Undang-undang Kecil Iklan. Di samping itu, Undang-undang Kecil Iklan Wilayah Persekutuan 1982 memperuntukkan bahawa keutamaan hendaklah diberikan kepada penggunaan Bahasa Kebangsaan pada papan-papan tanda dan ukuran tulisannya hendaklah lebih besar daripada bahasa-bahasa lain. Walau bagaimanapun, penggunaan Bahasa Kebangsaan pada papan-papan tanda iklan itu tertakluk kepada budi bicara Pendaftar yang berkenaan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa walaupun hari ini tidak ada satu badan yang menguatkuasakan Undang-undang Bahasa, tetapi Kerajaan telah wujudkan satu Akta Bahasa

Kebangsaan 1967 dan mulai 1hb September, 1967 hendaklah rakyat negeri ini menggunakan Bahasa Kebangsaan di tempat-tempat rasmi. Saya ingin bertanya, jika seseorang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan di tempat yang rasmi, apakah hukuman yang hendak dikenakan kepadanya?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang diketahui oleh pihak Kementerian Pelajaran dan juga pihak Kerajaan, belum ada apa-apa jenis kelakuan ataupun tindak-tanduk individu ataupun sesiapa pun yang melanggar apa-apa dasar yang telah kita wujudkan. Walaupun pada mulanya mungkin, tetapi setelah kita nasihati dan setelah mereka menyedari bahawa Bahasa Kebangsaan ialah bahasa rasmi, saya rasa setakat ini mereka telah mematuhi kepada dasar yang kita laksanakan. Bagi pihak Kementerian Pelajaran, kita menjalankan tugas-tugas ini menerusi proses pelajaran dan pembelajaran negara kita dan kita yakin setakat ini daripada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan juga institusi pengajian tinggi, kita yakin bahawa seluruh yang terlibat sistem-sistem ini telah mematuhi kepada dasar yang telah kita laksanakan.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian sedar bahawa papan-papan tanda perniagaan dan sebagainya, pencemaran Bahasa Kebangsaan berlaku dan apakah inisiatif/daya usaha Kementerian Pelajaran supaya pihak-pihak berkuasa tempatan dapat memperbetulkan pencemaran tersebut di papan-papan tanda perniagaan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang wujud pencemaran bahawa ataupun, dengan izin, "pollution of National Language", terutama sekali di

kalangan peniaga-peniaga yang walaupun diberi arahan ataupun nasihat oleh pihak Pendaftar untuk menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa di papan tanda dan lebih besar daripada bahasa lain, namun mereka masih lagi belum meneliti soal betul tidaknya Bahasa Malaysia yang digunakan. Bagi pihak Kementerian Pelajaran, saya kata tadi kita ini bertanggungjawab untuk institusi yang di bawah jagaan kita. Bagi apa yang berlaku di papan-papan tanda perniagaan dan sebagainya itu, saya rasa adalah di bawah jagaan budi bicara Pendaftar, namun demikian kita dalam agensi-agensi Kerajaan, termasuklah Kementerian Pelajaran dan juga Pendaftar Syarikat dan sebagainya, berusaha untuk mengkoordinasikan kedudukan ini supaya pencemaran seumpama ini tidak wujud dan supaya ianya tidak sangat memalukan negara kita.

ULAT SUTERA—PEMELIHARAAN

3. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan benarkah negara ini sedang berusaha untuk mengeluarkan sutera secara besar-besaran. Jika benar:

- (a) setakat ini dimanakah dan berapa luaskah kawasan-kawasan yang telah dan sedang mengusahakan pemeliharaan ulat sutera di negeri ini;
- (b) berapa meter suterakah yang dapat dikeluarkan untuk kegunaan dalam negeri atau dieksport dalam tahun 1982 hingga tahun 1985. Dan berapakah jumlah hasil yang diperolehi oleh pengusaha-pengusaha pemeliharaan ulat-ulat sutera bagi tiap-tiap tahun (1982 hingga 1985); dan
- (c) ke negara manakah dieksport dan bagaimanakah potensinya pasaran sutera sekarang ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, memang benar negara kita telah berusaha untuk mengeluarkan sutera bagi pasaran luar negeri dan juga pasaran tempatan. Pengeluaran sutera sekarang ini sedang diuruskan oleh sebuah syarikat anak Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Terengganu, iaitu Syarikat Permint Suterasemai Sendirian Berhad. Syarikat yang mempunyai modal sebanyak \$9 juta itu telah ditubuhkan dalam tahun 1984 tetapi baru sahaja memulakan operasinya. Perusahaan sutera ini melibatkan tanaman mulberry dan sekarang ini seluas 750 ekar tanah di Tersat Ulu Terengganu sedang ditanam dengan tanaman mulberry, sementara kilang tanaman sutera di kawasan seluas 10 ekar di Kawasan Perindustrian Chendering, Mukim Kuala Ibai, Kuala Terengganu sedang didirikan.

Adalah dijangka dengan berkembangnya tanaman mulberry ini, pemeliharaan ulat sutera bagi menghasilkan 18 tan benang sutera setahun atau pengeluaran sebanyak 400,000 meter sutera setahun dapat diusahakan. Keluaran sutera bagi pasaran dalam negeri hanya bermula dalam tahun 1985. Sejumlah 2,902 meter kain sutera yang ditenun dengan tangan bernilai \$116,000 telah pun dijual.

Bagi pasaran eksport pula, ianya baru sahaja diterokai di mana usaha-usaha galakan dan pemasaran telah dimulakan pada bulan Jun 1986. Sasaran eksport ialah negara Jepun dan Amerika Syarikat. Setakat ini kuantiti yang dieksport adalah kecil iaitu sebagai langkah promosi dan pengenalan kepada bakal pembeli di luar negeri. Perangkaan yang diperolehi daripada sumber-sumber seperti Badan Antarabangsa Sutera (International Silk Association), menunjukkan bahan sutera mempunyai pasaran yang cerah.

Kajian daripada FAO juga menunjukkan bahawa pengeluaran sutera meningkat sebanyak 2% setahun sedangkan keperluannya meningkat 3% setahun. Berdasarkan kepada kedudukan permintaan serta kualiti, jenis fabrik dan fesyen yang dijangka dapat dikeluarkan oleh Syarikat Permint Suterasemai Sendirian Berhad itu, masa hadapan sutera di negara ini adalah cerah. Permintaan bagi pasaran eksport dan tempatan dijangka boleh dipenuhi setelah kilang tenun syarikat ini siap dibina dan memulakan operasi secara komersial mulai tahun hadapan.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau menyebutkan bahawa anak syarikat SEDC Terengganu yang bernama Permint Suterasemai Sendirian Berhad telah pun menjalankan industri sutera di negara kita ini. Saya ingin tahu bagaimanakah mutu kain sutera yang dikeluarkan kalau hendak dibandingkan dengan kain sutera daripada negara lain?

Yang kedua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian memberi sebarang bantuan kewangan kepada anak syarikat SEDC Terengganu ini. Jika ada, berapakah jumlahnya setakat ini dan jika tidak ada, adakah Kementerian beliau bercadang untuk memberi bantuan kewangan kepada anak syarikat ini demi untuk memajukan industri sutera di negara kita?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, kain sutera yang dikeluarkan di negara ini setakat ini boleh mendapat pasaran tempatan dan masih lagi di dalam tahap promosi di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, memang menjadi matlamat anak syarikat ini untuk

mempertingkatkan lagi mutu pengeluaran sutera dan dijangkakan dengan kajian-kajian dan teknologi yang dipertingkatkan, usaha untuk meningkatkan jenis dan mutu sutera ini akan berhasil.

Mengenai bantuan yang diberikan setakat ini, Kementerian Perusahaan Awam telah pun memberikan berbagai-bagai bantuan dari segi moral dan juga material. Dan jumlahnya kalau Yang Berhormat hendak ketahui, saya minta notis.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam telah menerangkan bahawa setakat ini hanyalah di Terengganu sahaja yang menjalankan usaha sutera ini dengan tanaman pokok mulberry. Saya ingin bertanya, sebelum usaha ini dibuat di Terengganu, adakah pihak Kerajaan telah membuat kajian di lain-lain negeri sehingga didapati tidak ada tempat yang sesuai selain daripada Terengganu. Dan kalau tidak ada, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat kajian ke seluruh negara supaya dapat memberi peluang dari segi taburan projek kepada rakyat di seluruh negara kerana nampaknya sutera ini ada mempunyai potensi yang baik seperti dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang keduanya, bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapakah dari segi nisbah pendapatan jika dibandingkan pada tiap-tiap satu ekar sutera ini?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, kajian mengenai kesesuaian perusahaan ini dibuat oleh Jabatan Pertanian khususnya dari segi kerja-kerja perkembangan dan pemerosesan manakala Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dari segi penyelidikan pengeluaran kepompong dan petani-petani. Tanaman mulberry

ini hanya boleh dilaksanakan di jenis tanah yang agak sesuai untuk pokok ini seperti tanah-tanah yang mempunyai top soil yang dalam, tidak berbatu dan mempunyai saluran air yang baik, misalnya tanah jenis siri jerangau. Saya tidak pernah berkata tidak ada lain tempat selain daripada Terengganu yang sesuai, sebenarnya ini setakat percubaan.

Peringkat yang kedua telah juga kita laksanakan di Sarawak yang mana kalau tidak silap saya untuk 500 ekar yang dipelopori oleh sebuah syarikat yang dinamakan Eastern Express Silk (Sdn) Bhd yang melibatkan 136 orang dengan modal \$10 juta. Projek ini telah pun dimulakan secara percubaan dan dijangkakan ia boleh memberikan hasil tidak lama lagi.

Mengenai nisbah satu ekar, dijangkakan bagi tiap-tiap satu ekar mulberry dapat membantu pemeliharaan ulat sutera sebanyak satu kotak telur ataupun 20,000 biji telur dan empat kali setahun. Oleh itu, satu ekar ladang mulberry dapat memberikan lebihkurang .0045 tan benang sutera setahun.

PENANAMAN SEMULA GETAH/ KELAPA SAWIT

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan dalam menghadapi tekanan penurunan harga dan keadaan yang tidak stabil barangan utama; apakah langkah yang sejajar diambil oleh Kementerian dari segi penanaman getah, kelapa sawit dan lain-lainnya terutamanya penanaman semula di rancangan FELDA dan FELCRA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail); Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan

Kemajuan Wilayah dalam menghadapi zaman meleset dari segi penanaman getah, kelapa sawit dan lain-lainnya, terutamanya penanaman semula di rancangan FELDA dan FELCRA ialah:

- (i) Mempelbagaikan jenis tanaman, iaitu satu rancangan yang mempunyai lebih daripada satu jenis tanaman termasuklah tanaman buah-buahan;
- (ii) Penggunaan baka yang lebih baik yang mengeluarkan hasil yang lebih banyak;
- (iii) Mengurangkan kos input di dalam pembangunan sesuatu projek dengan mengurangkan jenis-jenis kerja yang kurang diperlukan;
- (iv) Mengurangkan penggunaan racun kimia, racun rumpai dengan perubahan sistem bagi kerja penjagaan dan merumput;
- (v) Menggalakkan peneroka-peneroka melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan yang ada pasaran seperti menternak kambing biri-biri, lembu, ikan air tawar, tanaman buah-buahan seperti pisang mas dan lain-lain;
- (vi) Memupuk semangat berdikari di kalangan peneroka rancangan supaya melakukan sendiri sebahagian daripada kerja-kerja di rancangan bagi menghindarkan pengaliran wang keluar dari rancangan dan juga untuk menambahkan pendapatan peneroka.

Berkaitan dengan penanaman semula, bila tiba masa untuk menanam semula, agensi akan menilai semula keadaan-keadaan seperti keadaan tanah, cuaca dan tempat dan juga

prasarana serta kemudahan-kemudahan dan faktor-faktor lain dari segi ekonomi dan penilaian ini diserahkan kepada peneroka. Keputusan muktamad sama ada hendak menukar jenis tanaman, terpulang kepada peneroka.

Tuan Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa pihak FELDA dan FELCRA akan menggalakkan petani-petani mempelbagaikan tanaman. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sama ada pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah berunding dengan pihak FAMA bagi memastikan setiap tanaman yang akan dilakukan itu mendapat pasaran.

Yang kedua, saya ingin tahu sebagaimana kata Yang Berhormat tadi bahawa pemeliharaan ikan air tawar juga akan digalakkan. Soalan saya ialah apakah pihak Kementerianya atau mana-mana Jabatan lain telah bersedia untuk membekalkan benih ikan air tawar?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tanaman-tanaman tambahan itu adalah di sekitar kawasan rumah peneroka dan tidaklah secara besar-besaran dijadikan dusun atau ladang dan oleh kerana itu pasaran tempatan memadai memenuhi keperluan pemasaran. Dari segi kerjasama dengan agensi-agensi atau Jabatan-jabatan lain memang telah diusahakan dalam projek-projek yang selama ini telah dilaksanakan di rancangan-rancangan, iaitu dengan mendapat benih ikan air tawar dan juga lembu-lembu pawah dan sebagainya.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada mempelbagaikan

tanaman di dalam masa turunnya harga barangan pertanian ini, tidakkah Kementerian memikirkan untuk mengecualikan pemotongan yang dibuat ke atas peneroka-peneroka tanah FELDA buat masa ini ataupun "moratorium" semasa harga barangan menurun ini?

Keduanya, dengan harga yang sebegitu rendah bagi barangan utama, adakah rancangan-rancangan FELDA seperti yang telah dibuat pada masa-masa yang lepas itu masih viable pada masa ini?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, FELDA terutamanya membantu peneroka-peneroka dalam keadaan hari ini dengan memberikan pendahuluan untuk menetapkan pendapatan atas paras garis kemiskinan iaitu \$350 dan potongan-potongan dibuat apabila pendapatan mereka boleh dipotong, iaitu untuk membayar pendahuluan-pendahuluan atau hutang-hutang yang telah ada pada mereka.

Mengenai soalan yang kedua tadi, iaitu dari segi viability rancangan-rancangan, satu-satu rancangan itu memang dikaji dari semasa ke semasa terutama apabila sampai masa untuk menanam semula. Tadi saya telah menyatakan bahawa satu-satu rancangan itu bila tiba masa untuk menanam semula, dinilai semula keadaan-keadaan dari segi tanahnya, cuacanya, kesesuaian tempatnya dan juga prasarana—kemudahan-kemudahan; misalnya adakah terdapat kilang minyak kelapa sawit di situ dan sebagainya. Sekiranya didapati tidak sesuai, dikemukakan kepada peneroka-peneroka, tetapi keputusan muktamad terpulang kepada peneroka sama ada hendak menukar rancangan itu atau tidak. Dalam keadaan sekarang ini kebanyakan rancangan itu memanglah masih viable lagi.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR—URUSNIAGA SEKURITI

5. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan ada beberapa sindiket (syndicates) yang sengaja menipu daya (rig) harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) dan Singapura (SES) dan memandangkan syarikat-syarikat yang telah pun didaftarkan di KLSE dengan secara automatik didaftar juga di SES, adakah Kerajaan bercadang supaya hubungan yang istimewa di antara kedua-dua bursa ini diputuskan supaya KLSE dapat dilindungi daripada broker di Singapura yang lebih aktif dan di mana kemudahan kewangan adalah mudah didapati oleh pengadu untuk (speculators). Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Singapura tidak secara automatik disenaraikan juga di Bursa Saham Kuala Lumpur. Sekiranya sesebuah syarikat ingin sahamnya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, kelulusan daripada Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) hendaklah terlebih dahulu diperolehi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua pasaran saham ini menghadapi masalah di dalam urusan niaga sekuriti. Walau bagaimanapun pemisahan secara mutlak Bursa Saham Singapura dengan Bursa Saham Kuala Lumpur tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Namun demikian, Bursa Saham Kuala Lumpur selama ini sentiasa bekerjasama dengan Bursa Saham Singapura dengan semangat untuk meninggikan taraf perniagaan dalam sekuriti serta mewujudkan satu pasaran yang sihat. Memandangkan

bahawa cadangan pemisahan kedua-dua bursa saham tersebut adalah perkara yang begitu sensitif dan rumit, Kerajaan memerlukan masa untuk mengkaji dengan lebih teliti dan mendalam akan baik dan buruknya terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang tindakan.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar tentang satu memorandum yang dihantar kepada Kerajaan oleh Persatuan Pelaburan Malaysia (Malaysian Investors Association) baru-baru ini di mana Persatuan, di antara lain, mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Tatatertib diwujudkan untuk menjaga Pasaran Saham Kuala Lumpur supaya keyakinan orang ramai di dalam dan di luar negeri terhadap Pasaran Saham kita dapat dijamin memandangkan pelaburan individu di Pasaran Saham ialah kira-kira \$17 billion. Jika ya, apakah ciri-ciri lain terkandung dalam memorandum itu dan apakah jawapan Kerajaan terhadap cadangan-cadangan itu oleh kerana walaupun kita ada satu Komite Tatatertib sekarang, ahli komitinya adalah terdiri daripada ahli Komite Bursa Saham Kuala Lumpur sahaja.

Yang kita mahu ialah ahli Komite Tatatertib ini perlu dianggotai oleh Stock Broker dan orang yang bukan Stock Broker, supaya dengan ini kebebasan Komite Tatatertib ini dapat kita wujudkan untuk melindungi pelabur-pelabur individu terutama pelabur-pelabur kecil di Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa tujuan Kerajaan sememangnya hendak memastikan bahawa tidak ada perkara-perkara yang tidak dingini berlaku di dalam perniagaan saham di negara kita ini. Maka itu pihak

Kementerian telah memperketatkan lagi syarat-syarat perniagaan dan kita berharap mereka yang bertanggungjawab khususnya Jawatankuasa yang dikelolakan oleh ahli-ahli sendiri akan juga mengambil tindakan-tindakan terhadap ahli-ahli yang telah menyeleweng daripada amalan biasa.

Dalam pada itu, barangkali tidak mungkin bagi Kerajaan menghalang segala perkara-perkara yang mungkin tidak diinginkan berlaku oleh sebab bagi mereka yang hendak melakukan perkara-perkara yang tidak baik ini akan cuba sedaya upaya lari daripada undang-undang yang ada.

Dalam pada itu, kita memberi jaminan di sini bahawa kalau sekiranya terdapat mereka yang menyalahi undang-undang yang telah kita perketatkan itu, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka ini supaya kepercayaan, nama baik dan juga tata-susila bagi perniagaan sekuriti di negara ini akan terjamin khususnya bagi mereka yang benar-benar ingin menceburkan diri di dalam bidang ini.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan di atas kejatuhan harga di dalam Bursa KLSE yang telah menekankan kemerosotan ekonomi negara kita, saya ingin mendapat tahu apakah tindakan yang sedang diambil ataupun akan diambil oleh Kerajaan negara kita untuk memulihkan pasaran KLSE memandangkan sebuah negara jiran kita yang telah pun mengambil tindakan positif untuk memulihkan pasaran Bursa Saham di negara itu? Saya ingin mendapat tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan negara kita?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang amat penting di dalam perniagaan sekuriti ini ialah kepercayaan mereka

yang terlibat. Kini banyak tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memberi kepercayaan terhadap perkara ini termasuklah sewaktu saya menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas tadi.

Selain daripada itu, Kerajaan telah mencadangkan supaya syarikat-syarikat broker ini diperbesarkan lagi dengan cara yang kita panggil diperbadankan. Ertinya, di mana pihak-pihak tertentu sama ada pihak bank ataupun syarikat-syarikat yang besar membeli di dalam syarikat-syarikat broker ini dengan tujuan supaya modalnya akan bertambah dan ini membolehkan syarikat-syarikat ini melibatkan diri di dalam perniagaan yang lebih besar lagi.

Kita percaya dengan adanya tindakan-tindakan ini dan juga dengan bertambah baiknya keadaan ekonomi, perniagaan di dalam bidang sekuriti ini sudah tentu akan pulih seperti setahun dua yang lepas.

KARGO—SABAH SURCHARGE

6. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pengangkutan menyatakan bolehkah beliau memberi satu sebab yang sah bagi mengadakan bayaran tambahan sebanyak MYR 4.5 atas tiap-tiap tan benda yang diangkut oleh kapal ke Sabah sedangkan cukai tersebut tidak dikenakan di negeri-negeri lain di dalam Malaysia. Kenapakah wujudnya pilih kasih tersebut.

Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, bayaran tambahan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Tawau ialah lebih dikenali sebagai, dengan izin, Sabah Surcharge. Bayaran sebanyak \$4.50 setan adalah dikenakan ke atas semua kargo daripada Semenanjung Malaysia dan Singapura ke semua pelabuhan di Sabah melainkan Labuan.

Pada ketika ini Kerajaan tidak mengenakan apa-apa kawalan ke atas tambang bagi perkapalan dalam negeri. Segala tambang yang ditetapkan oleh industri perkapalan adalah mengikut keadaan pasaran semasa. Bayaran tambahan sebanyak \$4.50 setan yang dikenakan ketika ini adalah satu bayaran yang dikenakan bagi membayangkan kos pengendalian kargo di pelabuhan-pelabuhan Sabah. Sebenarnya, bayaran tambahan ini sepatutnya tidak diasingkan dengan tambang biasa.

Berkaitan dengan hal ini, ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan telah pun menasihatkan pemilik-pemilik kapal supaya pemilik-pemilik kapal tidak mengenakan lagi bayaran tambahan ini.

EKONOMI LABUAN— MEMPERBAIKI

7. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki keadaan ekonomi di Labuan dan bagaimana Kerajaan Persekutuan akan menjamin bahawa orang-orang asal di Labuan akan diberi keutamaan dalam bidang-bidang pekerjaan, perniagaan dan sebagainya.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan sedia maklum iaitu masalah kemelesetan ekonomi adalah satu masalah yang dihadapi oleh seluruh negara dan Labuan tidak terkecuali daripadanya. Namun detnikian, Kerajaan memang menyedari perkara ini dan sedang di dalam proses mengkaji untuk memperbaiki keadaan ekonomi di Labuan.

Sehubungan dengan itu, ingin saya memaklumkan bahawa satu Jawatankuasa Petugas telah pun

ditubuhkan di Kementerian Wilayah Persekutuan khas untuk mengkaji tentang masalah ekonomi di Labuan. Jawatankuasa Petugas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan dianggotai oleh beberapa wakil dari Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan serta juga badan-badan perniagaan, telah pun mengadakan mesyuarat pertamanya pada 9hb Oktober, 1986 untuk mengkaji cara-cara menggalakkan pertumbuhan ekonomi di Labuan.

Mengenai keutamaan kepada anak tempatan Labuan dalam bidang pekerjaan dan perniagaan, perkara ini memang sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan pada keseluruhannya.

BERAS UNTUK KEPERLUAN NEGARA

8. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara telah dipertanggungjawab oleh Kerajaan Malaysia untuk memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi negara Malaysia melalui penanaman padi, sama ada Lembaga berkenaan akan mengkaji dan mencari idea baru untuk mencapai matlamatnya mencukupi dalam bekalan beras dan bercadang mencari kawasan yang sesuai untuk penanaman padi secara besar-besaran yang boleh terdapat di negeri Sabah seperti di Lembah Sook dan Kinabatangan; di samping itu membantu untuk menghapuskan "Tradisi bertani secara berpindah (Shifting Cultivation)" yang masih diamalkan oleh suku kaum Murut dan Dusun; dan dengan itu Malaysia tidak akan bergantung pada import beras dari negara jiran semata-mata malahan kemungkinan di suatu masa akan datang Malaysia akan menjadi pengeluar terbesar di rantau Asia.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang mengeluarkan beras sepenuhnya untuk memenuhi keperluan negara. Pengeluaran tempatan akan diapongkan kepada tahap 55% ke 60% daripada keperluan dan pengeluaran padi akan ditumpukan di beberapa kawasan padi utama yang sudah mempunyai kemudahan dan infrastruktur yang intensif untuk menanam padi dua kali setahun.

Kawasan-kawasan tersebut ialah MADA, KADA, Barat Laut Selangor, Krian Sungai Manik, Seberang Prai, Kemasin Semerak, Besut dan Seberang Perak. Kawasan-kawasan padi yang lain akan digalakkan untuk menukar corak tanaman kepada lain-lain tanaman yang lebih menguntungkan.

Penanaman padi melibatkan jumlah pelaburan yang besar terutamanya untuk pembinaan sistem pengairan yang baik. Jumlah pelaburan yang diperlukan untuk negara mengeluarkan 80% hingga 85% keperluan beras negara dianggarkan melebihi \$9,000 juta bagi tempoh 1986 sampai tahun 2000. Pengeluaran sepenuhnya sudah tentu melibatkan pelaburan yang lebih tinggi. Oleh itu, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk membuka kawasan baru bagi tujuan menanam padi. Di samping itu, kos pengeluaran beras tempatan adalah dua kali lebih tinggi berbanding dengan kos import. Dalam tahun 1985 misalnya, kos pengeluaran tempatan adalah \$1.37 bagi setiap kilogram beras sedangkan kos import ialah sebanyak \$0.64 sekilogram. Dalam hubungan ini dan sebagai komoditi yang strategik, adalah wajar negara mengeluarkan sebahagian sahaja daripada keperluan berasnya.

Mengenai amalan pertanian secara berpindah yang dijalankan oleh suku kaum Murut dan Dusun, usaha-usaha

perlu dijalankan oleh semua pihak termasuk Kerajaan Negeri Sabah untuk menggalakkan mereka bertani secara moden untuk kepentingan mereka sendiri.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kos pengeluaran padi di negara kita ini adalah dua kali lebih tinggi daripada kos import. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah sebab-sebab kos pengeluaran negara kita terlalu tinggi. Apakah rancangan Kerajaan bagi mengurangkan kos pengeluaran padi di negara kita?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, kos pengeluaran padi tinggi kerana beberapa sebab:

- (a) tanah yang dimiliki oleh tuan-tuan tanah adalah terlalu kecil dan tidak mengeluarkan hasil yang tinggi dan hasil-hasil yang dikeluarkan kurang daripada hasil-hasil yang dikeluarkan oleh negara-negara yang lain;
- (b) kos yang telah dibelanjakan untuk infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang intensif adalah sangat tinggi;
- (c) Kerajaan memberi subsidi subsidi seperti baja dan lain-lain kepada petani-petani.

Untuk mengurangkan kos dan meningkatkan hasil-hasil melalui penggunaan benih yang bermutu tinggi dan juga penggunaan amalan pertanian moden.

Tuan Maidon bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menerusi Kementerian Pertanian telah mencapai kejayaan hasil penyelidikannya dalam usaha untuk meningkatkan hasil padi sawah. Soalan saya ialah, apakah pula daya-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meninggikan hasil padi bukit yang mana selama ini dikerjakan secara "shifting cultivation", dengan

izin, oleh para peladang bukan sahaja di Sook tetapi juga di seluruh Sabah.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Sila Yang Berhormat ulangi sekali lagi soalan itu.

Tuan Maidon bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita tahu, bahawa pihak Kerajaan telah mencapai kejayaan yang begitu pesat dalam meninggikan hasil padi khususnya padi sawah. Di sini saya ingin bertanya apakah daya-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meninggikan hasil padi bukit yang ditanam di bukit yang dikerjakan secara berpindah oleh para peladang di Sook dan juga di seluruh Sabah.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab. Kementerian saya tidak menggalakkan penanaman padi di kawasan-kawasan di luar kawasan MADA, KADA dan sebagainya. Sook dan kawasan-kawasan yang lain kita tidak menggalakkan menanam padi tanpa sawah.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan kos menanam padi ini tinggi sedangkan harganya pula rendah. Jadi benarlah apa Yang Berhormat Menteri Pertanian kata padi mengakibatkan kemiskinan. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk rakyat tidak lagi menanam padi dan menanam gandum, umpamanya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan menimbang jika ada kawasan-kawasan yang boleh ditanam gandum, tetapi sekarang ini tiada rancangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Othman.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Abdul Ghani bin Othman tidak hadir)

KILANG PADI SWASTA— PEMBELIAN

10. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menjelaskan perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah kilang-kilang padi swasta di Kedah yang enggan membeli padi-padi di musim hujan hingga LPN dan petani-petani saling tuduh menuduh di antara satu sama lain sementara lori-lori padi menunggu giliran masing-masing berhari-hari. Pada akhirnya para petani yang miskin telah menjadi mangsa.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya pembelian padi oleh kilang-kilang swasta adalah memuaskan di mana kebanyakan kilang-kilang swasta membeli padi sebanyak mungkin mengikut kemampuan masing-masing. Bagi tahun 1985 misalnya, daripada 1,214,838 tan metrik padi yang dipasarkan, 654,680 tan metrik atau 54% telah dibeli oleh kilang-kilang swasta. Bagi tahun 1986 pula, sehingga bulan September, daripada 1,096,765 tan metrik yang dipasarkan, sebanyak 580,845 tan metrik atau 53% telah dibeli oleh kilang-kilang swasta. Walau bagaimanapun, pihak swasta sepatutnya boleh meningkatkan lagi kemampuannya untuk mengendalikan antara 60% - 70% dari jumlah padi yang dipasarkan oleh petani-petani. Keupayaan pengendalian LPN setelah mengambil langkah-langkah untuk menyediakan tambahan kemudahan peneduh dan pengering dalam tahun 1985 adalah hanya antara 30% - 40% sahaja.

Masalah pembelian oleh kilang-kilang swasta hanya timbul apabila mutu padi yang dijual didapati tidak memuaskan, seperti padi jenis IR42 dalam tahun 1985 dan apabila padi basah akibat dituai dalam musim

hujan. Selain daripada itu, keengganan mereka untuk membeli padi juga mungkin disebabkan mereka telah pun mempunyai stok padi yang tinggi, yang dibeli semasa tuaian dibuat di musim panas, kemudahan yang terhad ataupun mereka khawatir akan mengalami kerugian. LPN tidak dapat memaksa pembeli-pembeli swasta untuk membeli padi dari petani-petani terutama jika padi itu basah kerana dituai dalam musim hujan. Walau bagaimanapun, LPN sentiasa memastikan bahawa keengganan pihak swasta untuk membeli padi adalah dengan alasan yang munasabah. Jika mereka dengan sengaja enggan membeli padi dari petani-petani, LPN akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa pembelian padi oleh pihak kilang-kilang swasta adalah memuaskan. Tetapi saya difahamkan bahawa hanya kilang-kilang yang diberi taraf commercial, dengan izin, dapat mengendalikan pembelian padi daripada petani-petani. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian bercadang untuk memberi lebih banyak lagi lesen-lesen kepada kilang-kilang padi untuk mengubahkan taraf mereka itu ke taraf commercial supaya dapat membantu pihak LPN membeli padi-padi oleh sebab kapasiti LPN seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, hanya 30% hingga 40% sahaja.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, LPN sentiasa menggalakkan sesiapa sahaja yang mahu memulakan kilang padi tetapi LPN menyarankan supaya kilang-kilang yang boleh mengisar lebih kurang 3 tan sejam akan diberikan lesen-lesen kerana kita

memandangkan pengilangan yang kurang daripada 3 tan sejam tidak boleh menguntungkan. Walaupun begitu pihak LPN telah pun mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi taraf ataupun keupayaan kilang-kilang yang kecil-kecil ataupun kilang-kilang yang mempunyai potensi tetapi tidak mempunyai kemampuan yang besar dengan melibatkan skim anak angkat yang setakat ini 15 buah telah pun diambil dan telah pun berjaya dan 10 lagi dalam perancangan untuk dipertingkatkan.

Dalam hal ini kita percaya banyaklah kilang-kilang yang telah melihat kejayaan yang telah dibuat melalui skim anak angkat ini dan kita percaya dengan perangsang yang ditunjukkan oleh sahabat-sahabat mereka banyak lagi kilang-kilang yang boleh diberikan bantuan dalam skim anak angkat ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar Yang Berhormat kilang-kilang swasta ini lebih gemar membeli padi dari LPN dari membeli padi terus dari petani-petani. Dan mengapakah LPN membenarkan kilang-kilang swasta ini membeli terus dari LPN dan tidak daripada petani-petani.

Yang keduanya, apakah benar untuk menyelesaikan masalah pembelian padi LPN, LPN memerlukan pembinaan kompleks-kompleks yang berharga hampir \$1 million. Jadi, kalau sekiranya LPN tidak mampu apakah LPN bercadang untuk mengswastakan pembinaan kompleks ala-LPN ini yang berfungsi untuk memberi perkhidmatan kepada LPN.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, kilang-kilang swasta memang tidak berniat untuk membeli padi sekiranya kemampuan mereka tidak ada lagi, seperti misalnya mereka tidak mempunyai modal untuk membeli padi ataupun stok-stok yang

begitu banyak ataupun tidak ada tempat lagi untuk menyimpan padi. Apatah lagi kadangkala apabila padi itu basah ataupun di musim hujan yang menyebabkan keseluruhan padi-padi itu dihantar ataupun dijual kepada LPN. Walau bagaimanapun, pihak LPN sentiasa memastikan yang mereka tidak mengabaikan tanggungjawab mereka sepertimana syarat yang diberikan kepada mereka untuk membeli padi. Sekiranya kita dapati mereka betul-betul menyeleweng maka tindakan akan kita ambil.

Mengenai sama ada kita bersedia mengswastakan aktiviti padi ini seperti yang telah saya sebutkan berkali-kali, pihak LPN memang bersedia untuk memberikan aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan oleh pihak swasta untuk diswastakan. Yang pentingnya ialah setakat ini belum ada lagi mereka yang berkemampuan datang untuk membuat tawaran membina kompleks-kompleks LPN dan sebagainya yang mana boleh diterima oleh pihak LPN kerana ada cadangan-cadangan itu adalah terlalu mahal dan tidak mungkin boleh diterima oleh LPN kerana ianya akan mengakibatkan kenaikan harga padi, kos pentadbiran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sekiranya ada dari pihak Ahli Yang Berhormat dan lain-lain pengusaha yang sanggup melibatkan diri dengan usaha pengswastakan ini, sila berhubung dengan pihak LPN dan Kementerian Perusahaan Awam.

YURAN PELAJARAN DI LUAR NEGERI—KENAIKAN

H. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenaikan yuran bagi pelajar-pelajar persendirian di luar negeri menjadi suatu masalah tahunan, jika ya, adakah Kerajaan bersedia untuk menyediakan "soft loans" bagi pelajar-pelajar yang memerlukannya yang terpaksa menamatkan pelajaran

lanjutannya akibat kenaikan yuran, jika tidak, mengapa.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar persendirian kita yang menuntut di luar negeri akibat daripada kenaikan yuran tahunan. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak dapat mengadakan skim pinjaman kepada pelajar-pelajar berkenaan memandangkan kedudukan kewangan negara yang kini belum mengizinkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian bercadang bila Timbalan Menteri itu merujuk kepada kenaikan yuran di Australia, bila Menteri Perdagangan dan Perindustrian dari Australia melawat ke Malaysia pada bulan depan adakah Kerajaan berusaha supaya Kerajaan Australia dapat menubuhkan satu tabung untuk pelajar-pelajar kita kerana perhubungan perdagangan atau "balance of trade" dengan izin, adalah sangat menguntungkan pihak Australia sehingga sebanyak \$600 juta pada tahun 1985. Apakah Kerajaan bercadang untuk berbuat demikian.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa imbalan perdagangan di antara Australia dengan Malaysia adalah menguntungkan Australia. Namun demikian, ini ialah budibicara Kerajaan Australia sendiri sama ada mereka ingin hendak menubuhkan tabung dan kalau sekiranya mereka ingin hendak menubuhkan tabung membantu kita saya rasa, insya Allah kita alu-alukan.

Namun demikian, saya rasa seperti yang saya katakan tadi ialah ini adalah budibicara mereka dan kita sentiasa berusaha untuk mengalu-alukan bantuan daripada mereka bukan hanya menubuhkan tabung tetapi untuk tidak

meninggikan yuran kepada pelajar-pelajar dari luar negeri termasuk pelajar-pelajar negara kita.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran akan bercadang atau akan mengambil langkah-langkah memberi pertolongan kepada sesiapa sahaja pelajar yang menamatkan pendidikannya di luar negeri berpunca dari kenaikan yuran di negara tersebut, dan adakah langkah atau cadangan untuk memberi keutamaan kepada mereka yang pulang untuk mendapatkan satu tempat di institusi-institusi pengajian tinggi kita untuk meneruskan pengajian mereka di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang kita berhasrat. Namun demikian, keutamaan kita beri kepada pelajar-pelajar yang kita anjurkan secara anjuran pihak Kerajaan. Namun demikian, kita selama ini pun kalau ada tempat kita mengambil kira akan permohonan daripada mereka ini, dan seperti yang saya katakan tadi kita memberi keutamaan kepada mereka yang di bawah anjuran Kerajaan sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan James Jimbuk anak Pungga.

Tuan James Jimbun anak Pungga Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pembetulan nama saya. Sebenarnya nama saya James Jimbun anak Pungga. Pungga.

PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN DI SARAWAK

12. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Dalam Negeri mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara untuk meneruskan tugas dan

berusaha lebih giat bagi mempercepat lagi usaha mendaftarkan kad pengenalan dan surat beranak kawasan terpencil di Hulu Sungai, terutama sekali Bahagian Ketujuh, negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara di Sarawak sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memberi perkhidmatan yang lebih cepat dan mudah, terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman seperti dalam Bahagian Ketujuh, Sarawak. Perkhidmatan yang diberikan itu termasuklah urusan pendaftaran kelahiran dan kematian.

Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan ialah mengadakan gerakan pendaftaran secara besar-besaran di seluruh Negeri Sarawak sepanjang tahun 1986 dan melantik lebih ramai Timbalan Pendaftar untuk membantu dalam urusan pendaftaran kelahiran dan kematian. Mereka ini adalah terdiri daripada Ketua-ketua Masyarakat, Jururawat-jururawat, Guru-guru, Bidan-bidan dan orang-orang lain yang berkenaan. Tindakan ini diambil untuk memudahkan penduduk di kawasan luar bandar mendaftarkan setiap kelahiran atau kematian yang berlaku.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa segala urusan pendaftaran di kawasan tersebut boleh dipercepatkan selepas dikenakan bayaran yang baru-baru ini diisytiharkan oleh Kementerian beliau. Saya ingin tahu juga adakah Timbalan Menteri sedar bahawa kenaikan bayaran itu dirasakan tidak adil dan tidak kena pada masa dan tempatnya sebab semua rakyat jelata telah banyak dikenakan berbagai jenis cukai yang patut dibayar apatah lagi dalam urusan pendaftaran juga hendak bayar. Ini adakah saksama, jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, soalan terkeluar daripada tajuk, tidak perlu dijawab.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri dan soalan ini bersangkutan dengan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi—tetapi cuma saya ingin tahu, adakah pembayaran yang baru ini akan dikenakan kepada kawasan-kawasan seperti di Sarawak di mana masih banyak penduduk-penduduk belum pernah memiliki surat pendaftaran dan surat beranak bagi kanak-kanak sehingga berumur 11 atau 12 tahun. Jadi, adakah permintaan pertama kali begini dikenakan pembayaran juga?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin supaya menjelaskan tentang hal pembayaran ini.

Kadar bayaran yang dikenakan ke atas dokumen-dokumen dan sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara telah dikuatkuasakan sejak tahun 1960an lagi dan semenjak itu tidak pernah disemak semula.

Kementerian Dalam Negeri telah menyedari bahawa kadar pembayaran yang dikenakan itu adalah terlalu rendah dan tidak sejajar dengan kos pengeluaran dan harga bahan dokumen dan sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Oleh itu Kementerian Dalam Negeri telah menyemak semula kadar-kadar pembayaran itu dan bersetuju mengenakan satu kadar baru yang lebih munasabah.

Pada masa ini terdapat perbezaan kadar bayaran dikenakan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi dokumen yang sama. Kadar baru yang akan dikuatkuasakan pada 1hb Disember, 1986 ini berluju untuk mengadakan kadar bayaran yang seragam bagi seluruh negara. Kadar

baru ini tidaklah mahal walaupun ia agak lebih tinggi daripada kadar lama. Kementerian Dalam Negeri yakin bahawa kadar baru ini tidak akan menyusahkan rakyat.

Bagi rakyat yang miskin, bagi rakyat yang benar-benar tidak berkemampuan, undang-undang membolehkan pihak Kementerian Dalam Negeri mengecualikan mereka itu daripada dikenakan bayaran ke atas dokumen-dokumen yang mereka perlukan.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini sama ada terdapat pendaftaran yang lewat untuk mendaftar beranak dan permohonan Kad Pengenalan di kawasan terpencil di Malaysia terutama di Sabah dan Sarawak. Jika ya, berapa besarkah jumlahnya dalam perkara ini dan sama ada orang-orang ini didenda kerana pendaftaran yang lambat?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat memohon jawapan-jawapan yang begitu terperinci, saya memohon notis.

PELABURAN LUAR NEGERI

13. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan luar negeri sepanjang tahun 1985 dan pelaburan yang tidak saksama daripada satu negeri dengan satu negeri yang lain dan mengapakah wujudnya persaingan di antara negeri-negeri di dalam menarik pelabur-pelabur asing bagi maksud penanaman modal di sini dan mengapakah tidak wujud satu ikhtiar bersepadu ke arah usaha tersebut di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan kerana ia akan menjimatkan kos.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan asing yang telah diluluskan sepanjang tahun 1985 adalah berjumlah \$360.3 juta. Kebanyakan projek-projek ini akan ditempatkan di negeri-negeri maju. Keadaan ini berlaku kerana projek-projek ini merupakan projek-projek yang berorientasikan eskport. Oleh itu ianya memerlukan kemudahan pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa. Projek-projek ini juga merupakan industri berteknologi tinggi, yang memerlukan pekerja mahir serta kemudahan sokongan yang lain, yang terdapat di negeri-negeri maju.

Kerajaan sedar di atas wujudnya pelaburan yang tidak saksama di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain. Untuk menggalakkan penempatan projek-projek di negeri-negeri kurang maju, Kerajaan telah dan akan terus memberi pertimbangan yang istimewa terhadap pemberian galakan-galakan, jika sesuatu projek itu ditempatkan di negeri-negeri kurang maju.

Kerajaan juga menyedari wujudnya persaingan hebat di antara negeri-negeri untuk menarik pelabur-pelabur asing kerana tiap-tiap negeri ingin melihat pembangunan ekonomi di negeri masing-masing. Saya berpendapat keadaan ini adalah satu petanda yang sihat kerana ini dengan secara langsung bererti setiap Kerajaan Negeri akan mengambil daya usaha untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan pelaburan dan pentadbiran masing-masing.

Untuk menjimatkan kos dan menentukan pendekatan yang bersepadu dalam menarik pelabur-pelabur asing, Kementerian saya melalui MIDA sentiasa menentukan bahawa Kerajaan Negeri menyertai bersama dalam apa-apa program galakan yang dikelolakan oleh MIDA, Mengikut pengalaman MIDA setakat

ini, Kerajaan Negeri memang telah pun menyertai program-program ini. Walau bagaimanapun, jika sesuatu negeri itu berpendapat bahawa mereka memerlukan kegiatan penggalakan yang lebih berkesan untuk negeri mereka, Kementerian saya akan memberi segala panduan dan sokongan supaya pendekatan mereka adalah selaras dengan pendekatan Kerajaan Persekutuan dari segi polisi, strategi dan bidang industri yang wajar digalakkan. Melalui cara ini saya berpendapat usaha-usaha untuk menarik pelabur-pelabur asing merupakan usaha-usaha yang bersepadu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang dihaskan bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut telah tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 14 adalah diberi di bawah ini).

NILAI TAMBAHAN DALAM INDUSTRI

9. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan nilai tambahan atau "Value-Addedness" di sektor elektronik di negara ini.

Dato Kok Wee Kiat: Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk meningkatkan nilai tambahan dalam industri ini sama ada melalui penambahan kandungan tempatan ataupun meningkatkan nilai tambahan/produktiviti seseorang pekerja. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah dan akan terus menggalakkan kegiatan-kegiatan berikut:

- (a) Integrasi kehadiran dan kebelakang oleh kilang-kilang "Semiconductor" yang wujud;

- (b) Penubuhan industri-industri dan perkhidmatan sokongan;
- (c) Modernisasi dan otomasi proses-proses pengeluaran yang wujud;
- (d) Kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Untuk menggalakkan kegiatan-kegiatan ini, Kerajaan telah pun mengadakan beberapa galakan cukai serta melonggarkan beberapa syarat dan menyediakan kemudahan-kemudahan pelaburan.

PENAHANAN DATO' ABDULLAH AHMAD/ABDULLAH MAJID/ ABDUL SAMAD ISMAIL

14. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan semasa Tan Sri Ghazali Shafie menjadi Menteri Dalam Negeri, beliau telah mengeluarkan perintah di bawah ISA menahan Dato' Abdullah Ahmad, Saudara Abdullah Majid, Saudara Abdul Samad Ismail atas sebab-sebab mereka terlibat dalam kegiatan komunis. Mereka sudah dibebaskan dan mendapat kedudukan yang baik dalam masyarakat:

- (a) apakah mereka sekarang sudah tidak bahaya lagi atau penahanan mereka dahulu satu penganiayaan; dan
- (b) jika mereka tidak bersalah, apakah Kerajaan berhajat untuk menarik balik tuduhan ke atas mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhonnat, ketiga-tiga orang berkenaan telah ditahan mengikut kuasa di bawah Seksyen 8, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1969 dengan tujuan untuk mencegah mereka dari melakukan tindakan yang memudharatkan keselamatan. Perintah Tahanan terhadap mereka telah dibatalkan apabila mereka didapati tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG DADAH
BERBAHAYA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1987**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
1987**

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Ketiga Belas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.49 dan 50 (Jadual)—

Maksud P.49 dan 50 (Anggaran Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sebelum Yang Berhormat dari Sepang menyambung perbahasan, saya beri lebih kurang 5 minit untuk Yang Berhormat menyambung.

4.06ptg.

Tuan Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Pengerusi, saya sukacita menyambung ucapan saya petang kelmarin. Apa yang dapat kita saksikan di masa yang lalu ialah pelaksanaan dan penguatkuasaan sesuatu undang-undang dibuat secara tergepoh-gepoh misalnya larangan menggunakan cermin gelap. Gerakan besar-besaran dilakukan oleh pihak Polis dan juga penguatkuasa JPJ untuk memastikan tidak ada sesiapa pun yang boleh menggunakan cermin gelap kepada kenderaan. Di dalam Dewan yang mulia ini kita juga dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bahawa penguatkuasaan terhadap kenderaan yang didapati menggunakan cermin gelap itu tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana alat pengukur menentukan peraturan cahaya tidak memberikan bacaan yang tepat dan sekarang penguatkuasaannya terumbang-ambing.

Tuan Pengerusi, begitu juga halnya dengan arahan dan penguatkuasaan pemasangan lampu amaran had laju kenderaan berat. Nampaknya sekarang penguatkuasaan terhadap lampu amaran had laju telah tidak diberi perhatian dan hampir tidak dikuatkuasakan sama sekali. Kemungkinankah tidak ada alat ganti bagi lampu amaran had laju tersebut? Inilah yang saya katakan tadi suatu perancangan lebih-lebih lagi penguatkuasaan undang-undang mestilah dibuat dengan teliti, cermat dan berhati-hati, kita tidak mahu rakyat dengan mudah mencemik dan mempersendakan Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya patut sarankan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, sekiranya dapat mengkaji dan seterusnya mendapatkan peruntukan undang-undang kepada Jabatan Pengangkutan Jalan, di mana ia

memberi kuasa dan membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan mengkompaun kesalahan-kesalahan kecil seperti kesalahan-kesalahan tuan punya kenderaan yang menggunakan nombor plet yang kecil, kecuaiannya tuan punya kenderaan perdagangan menghantar pemeriksaan Jabatan Pengangkutan Jalan. Apa yang berlaku sekarang ini semua kes kesalahan-kesalahan kecil ini dihantar ke mahkamah dan mahkamah akan mengambil masa kerana banyaknya backlog cases, dengan izin dan dendanya yang dikenakan pun agak rendah, tidak lebih daripada \$100 dan kadangkala serendah \$20. Kalau ini dapat diatasi bukan sahaja mengurangkan backlog cases, tetapi juga tidak berapa menyusahkan pesalah-pesalah kecil yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 01100—Keretapi Tanah Melayu, muka surat 224. Saya berpendapat usaha Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan hendak menswastakan Keretapi Tanah Melayu, eloklah difikirkan dan dikaji semuta. Kalaupun keretapi menjadi beban kepada Kerajaan kerana menanggung kerugian, hendaklah dicari jalan bagaimana boleh mengatasinya dan mendatangkan serta membawa keuntungan.

Suatu ketika dahulu Keretapi Tanah Melayu di bawah pengurusan Dato Ishak Tadin boleh untung dan berjaya, takkan Kementerian Pengangkutan khususnya Kerajaan tidak boleh mencari dan mendapatkan suatu lagi Dato Ishak Tadin. Kalau Keretapi Tanah Melayu boleh untung, maka sudah tidak timbutlah hendak diswastakan. Tidak syak lagi Keretapi Tanah Melayu memberikan sumbangan yang besar kepada rakyat dan negara di dalam memberi kemudahan perkhidmatan penumpang dan juga barangan. Tetapi setengah-setengah tempat dan dalam keadaan

tertentu, ianya menyusah dan mengganggu kemudahan awam seperti terdapat di salah sebuah pekan kecil iaitu di Kajang, dua buah gate keretapi yang satunya menghala ke Universiti Pertanian dan satu lagi menghala ke Universiti Kebangsaan terpaksa ditutup lebih daripada 30 kali sehari semalam, keadaan ini memang menjadi gangguan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya minta dan saya serahkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk memikirkan dan mencari jalan bagaimana dapat mengurangkan gangguan dari penutupan gate keretapi seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Mukah.

4.26ptg.

Dr Leo Michael Toyad (Mukah): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan atas Maksud B.49 di bawah Kementerian Pengangkutan di muka surat 227, Butiran Projek Pembangunan 10100—Pembangunan Padang Terbang Kuching—Peringkat III Bangunan Persinggahan Baru, mendapat secara langsung anggaran tahun 1987 sejumlah \$5,970,000.

Di sini saya ingin cuma menyeru kepada Kementerian khususnya Jabatan Penerbangan Awam, di mana saya harap peruntukan sebanyak ini walaupun sekiranya tidak mencukupi, tetapi saya ingin menyuarakan di sini bahawa, saya harap keutamaan dapat diberikan kepada pembaikan bangunan-bangunan yang kini sedia ada di sana. Satu masalah yang tidak dapat dielakkan dari pandangan orang yang datang atau orang yang singgah di Lapangan Terbang Kuching ialah di masa hari hujan dan musim tengkujuh

masa sekarang, di mana kadang-kadang tempat menunggu penerbangan itu, dengan izin, waiting room, basah kerana bumbung atau kerana architecture, pembinaan atau structural, saya tidak begitu fasih dalam perkara ini, tetapi yang saya tahu, masih bocor dan membasahkan tempat orang-orang yang menunggu penerbangan mereka. Saya cuma menimbulkan perkara ini supaya keadaan ini dapat diberi keutamaan dengan peruntukan di bawah pembangunan padang terbang Kuching.

Keduanya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyuarakan kerana Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching adalah satu tempat di mana penerbangan antarabangsa dari Timur dan dari Barat khususnya dari Singapura, dari Hongkong dan Kuala Lumpur singgah dan di sinilah pintu pelancong-pelancong ke negeri Sarawak masuk ke negeri Sarawak untuk merasai keindahan-keindahan yang didapati di negeri Sarawak. Saya ingin menekankan di sini kerana Lapangan Terbang Kuching adalah satu tempat yang pertama kali mereka sebagai pelancong mendapat pandangan dengan izin, impression, bila masuk ke negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Butiran di mukasurat 227 di bawah Program Membaiki Padang Terbang Luar Bandar. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan menyokongkan peruntukan ini kerana memandangkan sekarang ini dalam keadaan industri kita di negara Malaysia ini, kita sekarang memberi keutamaan dan tekanan ke atas industri pelancongan.

Di sini saya memandangkan di mana kawasan-kawasan luar bandar ada landasan kapal terbang, saya harap dapat dipertingkatkan lagi kerana di negeri Sarawak khususnya penarik-penarik pelancong bukannya seperti

pelancong di kawasan-kawasan di Semenanjung sini, di mana kita ada bandar dan juga bentuk-bentuk teknologi dan juga bermacam-macam pameran yang kita nampak dan boleh rasai. Tetapi di Sarawak kita mendapatkan pelancong-pelancong yang ingin merasai suasana semula jadi dan juga memandangkan rekabentuk muka bumi seperti yang kita dapatkan di kawasan Bahagian ke IV di Usun Apau, Bekalalan, di Mulu dan banyak tempat. Jadi, di kawasan ini cara-cara perhubungan adalah cuma menerusi penerbangan awam dan dengan ini, saya ingin menyeru kepada Kerajaan khususnya Jabatan Penerbangan Awam untuk memberi perhatian. Ini adalah satu daya usaha kita untuk meninggikan taraf komunikasi supaya kita dapat menggalakkan lagi pelancong-pelancong khususnya dengan izin, adventure tourists ke Sarawak di kawasan-kawasan luar bandar.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengucapkan terima kasih di atas peruntukan di bawah Butiran 10800 untuk Pembangunan Padang Terbang Mukah. Di sini saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama untuk menyiapkan padang terbang ini kerana ini adalah juga satu saluran untuk mempergiatkan pelancongan di kawasan ini dan juga satu perhubungan di mana perniagaan khususnya melibatkan pembangunan ekonomi, perikanan dan juga pertanian di kawasan ini.

Dengan itu saya ingin menyatakan sokongan saya kepada peruntukan di bawah Maksud P.49 dan B.49. Terima kasih,

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

4.20ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan bagi Kementerian Pengangkutan. Tuan

Pengerusi, saya hendak sebutkan pada muka surat 224, Butiran 01300 berkenaan dengan Stesen Keretapi Ipoh.

Tuan Pengerusi, pada 15hb Jun, 1986 pagi, satu tragedi telah berlaku di Ipoh di mana terdapat enam orang dalam satu kereta telah terkorban atas pelanggaran antara sebuah kereta dengan lokomotif—dengan keretapi dan enam orang itu adalah dalam satu keluarga. Nama mereka:

Abdul Rahim bin Abdullah

Fauziah binti Ismail

Mohd. Noor bin Abdul Rahim

Khairulnizam bin Abdul Rahim

Nortara Tina binti Abdul Rahim

Khairultaziam bin Mazlan.

Keenam-enam orang ini telah terkorban oleh kerana pintu landasan keretapi itu tidak dikawal dengan baik. Tuan Pengerusi, saya difahamkan dan saya sendiri pun pergi ke kawasan itu dan ini adalah satu kawasan di sempadan kawasan saya, di mana saya dapati tidak ada sebarang sistem amaran yang ada di pintu landasan keretapi itu. Pintu landasan keretapi itu hanya ditutup apabila penjaga-penjaga di situ hanya menggunakan telinganya untuk mendengar sama ada keretapi itu tiba atau tidak.

Tuan Pengerusi, inilah satu perkara yang sangat-sangat mengecewakan, oleh kerana Kementerian Pengangkutan tidak mengambil langkah-langkah yang lebih awal. Jikalau langkah-langkah diambil lebih awal, maka tragedi ini mungkin dapat dielakkan.

Tuan Pengerusi, selepas tragedi itu berlaku ada tiga pihak yang dikatakan akan menjalankan siasatan mereka. Pihak Polis katakan akan menjalankan siasatan, pihak Majlis Perbandaran Ipoh pun kata hendak menjalankan penyiasatan dan juga Kementerian

Pengangkutan pun kata hendak menjalankan siasatan.

Tuan Pengerusi, pada 22hb Jun, 1986 Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri berkata, beliau telah menerima satu laporan tetapi laporan itu belum ada masa untuk membacanya oleh kerana itu, laporan itu belum dapat diumumkan. Tuan Pengerusi, hingga hari ini selepas lima bulan, laporan itu belum dapat diketahui oleh sesiapa selain daripada Menteri sendiri.

Tuan Pengerusi, adakah ini dikatakan "bersih, cekap dan amanah"? Saya ingin minta Menteri yang berkenaan siapa yang patut bertanggungjawab atas tragedi ini—MPI, Kementerian Pengangkutan ataupun siapa yang patut tanggung? Saya harap perkara ini dapat diterangkan di dalam Dewan ini sama ada Yang Berhormat Menteri akan mengumumkan pendapat daripada siasatan yang telah dikemukakan kepada Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ialah, ada tidak lama juga pada 31hb Ogos, tahun ini, sebelum hari membuang undi, Menteri Kerjaraya telah mengumumkan bahawa ia telah mendapat persetujuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memperuntukkan sebanyak \$100,000 untuk membina satu terowong di bawah tanah di pekan Sungkai tetapi selepas pitihanraya itu tanda-tanda menunjukkan di mana terowong itu akan terletak pun telah dibuang, tidak tahulah di mana. Saya ada bukti di sini, Tuan Pengerusi.

Drs Suleiman bin Mohamed: Untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, minta penjelasan.

Drs Suleiman bin Mohamed: Apakah Yang Berhormat sedar bahawa yang disebutkan Kementerian Kerjaraya itu

tidak ada kena-mengena dengan pengangkutan?

Tuan Lau Dak Kee: Menteri Kerjaraya (JKR) itu diumumkan tetapi tanggungjawabnya ialah terowong di bawah landasan keretapi, inilah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Dan saya ada bukti di sini dikatakan, penduduk-penduduk di kawasan Kampung Rahmat, Changkat Sulaiman, Kampung Haji Ismail, A. A. Tin dan kawasan-kawasan sekitarnya akan dapat memudahkan lalulintasnya daripada tempat mereka duduk ke pekan Sungkai.

Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan akan dapat menerangkan di Dewan yang mulia ini bilakah projek terowong itu dapat dibina dan jikalau perkara ini tidak dapat difahami begitu teliti oleh Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat boleh berhubung dengan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi, iaitu pada hari ini keadaan ekonomi kita begitu merosot, perdagangan dalam ataupun perindustrian pengangkutan pun menghadapi kemelesetan ekonomi, maka timbullah beberapa perkara yang tidak diingini.

Tuan Pengerusi, saya selalu mendapat aduan daripada pemandu-pemandu teksi, syarikat-syarikat bas dan syarikat-syarikat bas ekspres. Mereka telah mengadu kepada saya bahawa mereka telah menghadapi satu masalah, iaitu bas pelancongan selalu mengutip penumpang-penumpang. Sebenarnya, bas pelancongan itu tidak dibenarkan mengutip penumpang-penumpang daripada stesyen-stesyen ataupun di tepi-tepi jalan, tetapi ini telah berlaku dan Kementerian Pengangkutan itu mungkin sedar atau tidak tetapi sehingga hari ini mereka tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka.

Tuan Pengerusi, pemandu-pemandu teksi, tuan punya teksi-teksi atau tuan punya syarikat bas atau tuan punya bas ekspres, mereka juga menjalankan perniagaan ataupun pengangkutan mengikut apa-apa yang tertentu, maka mengapa pula bas pelancongan itu boleh menyelewengkan tuntutan yang ada kepadanya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya hendak sebut ialah teksi-teksi yang tidak berlesen. Perkara ini telah ada di negara kita begitu lama dan ini adalah satu perkara yang semua orang tahu dan Kerajaan sentiasa tidak memandang berat terhadap cara-cara mereka untuk mencari rezki. Mereka bukan daripada golongan yang berada, mereka pun daripada golongan yang tidak berada. Kalau mereka berada, mereka tidaklah akan memandu teksi yang tidak berlesen dan selalu menghadapi saman ataupun kesulitan-kesulitan yang menyekat mereka.

Tuan Pengerusi, perkara ini berlaku bukan hanya di bandar-bandar besar. Bandar-bandar besar tidak ada teksi yang tidak berlesen. Ini hanya ada di perkampungan-perkampungan yang terpencil, kampung-kampung pendalaman dan pekan-pekan yang kecil. Kawasan-kawasan ini janganlah bagi syarikat bas ataupun teksi yang ingin membawa penumpang-penumpang ke tempat yang tertentu. Maka Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian Pengangkutan akan menjalankan satu siasatan secara besar-besaran untuk memastikan beberapa buah teksi yang tidak berlesen yang ada pada hari ini dan mencari satu langkah yang positif dan me"legalise"kan, dengan izin, mereka supaya mereka dapat mencari rezki yang patut diberikan.

Tuan Pengerusi, perkara.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup. Sila gulung.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih. Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin mencadangkan kepada Menteri yang berkenaan janganlah memberi peluang kepada pemandu-pemandu teksi, pemandu-pemandu lori, atau pemandu-pemandu kereta swasta apabila mereka melanggar undang-undang kecil, dengan izin, "minor offences", mereka pasti dihadapkan ke Mahkamah untuk menghadapi satu perbicaraan. Dalam perkara ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi yang berkata kesalahan-kesalahan itu tidak sepatutnya dan tidak payahlah dihadapkan ke Mahkamah kerana ini boleh dtkompaukan. Oleh kerana ini bukan kesalahan yang berat. Saya mencadangkan kepada Menteri yang berkenaan membezakan kes-kes ini. Kes yang berat seperti kes membawa barang berat berlebihan atau melanggar undang-undang lalulmtas yang teruk, ini mesti membawa mereka ke Mahkamah untuk perbicaraan. Tetapi kes-kes seperti lebih laju, "over speed", dengan izin, ataupun memotong kereta di "double lines" ataupun tidak berhenti di "stop-look-go", tidak ikut lorong, ini adalah satu kesalahan yang kecil, mengapa dihantar mereka ke Mahkamah, kenakan kompaun sahaja. Saya rasa kalau kes ini dapat dikompaukan, mereka tidak payah buang masa, buang tenaga, hanya kompaun \$50.00 atau \$100.00 dan mereka pun selepas membayar kompaun itu boleh pulang ke tempat kerja, tetapi apabila dihadapkan ke Mahkamah, itu saya rasa tidaklah baik untuk mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.36 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi membahaskan Maksud Bekalan 49, Kementerian

Pengangkutan. Untuk itu saya suka merujuk kepada Butiran 020000, Pengangkutan Laut dan Program 020100 Pengangkutan Laut Semenanjung, mukasurat 221.

Tuan Pengerusi, mula-mula saya suka menyentuh mengenai Lembaga Pelabuhan Johor, saya menyarankan supaya Pelabuhan di Pasir Gudang, Johor ini memainkan peranan yang penting sebagai sebuah pelabuhan yang patut diberikan perhatian yang serius sebagai pelabuhan di kawasan Selatan Tanah Besar Semenanjung. Usaha-usaha pembesaran dan beberapa kemudahan hendaklah diadakan. Kalau boleh ianya hendaklah tidak jauh berbeza dengan Pelabuhan Kelang ataupun LPK. Pada masa ini saya mendapat tahu kemudahan yang ada hanya dua buah dermaga air dalam untuk kapal lautan lepas dan sebuah dermaga untuk kapal menyusur pantai serta beberapa kemudahan kecil yang lain. Di bawah Maksud Pembangunan 49, mukasurat 224, Butiran 033000 di mana anggaran peruntukan berjumlah \$14,910,000 Pembangunan Pelabuhan Johor, Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan adalah dicadangkan supaya mewujudkan sekurang-kurangnya 10 buah dermaga lagi dan. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Lim Guan Eng: On a point of order. Saya ingat quorum tidak cukup.

Tuan Pengerusi: Quorum tidak cukup. Setiausaha, tolong kira. Yang Berhormat, sila duduk, quorum tidak cukup.

(21—quorum tidak cukup)

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 27 Ahli hadir)

Tuan Pengerusi: Ouorum sudah cukup, sila teruskan.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:
Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya suka menyambung di mana saya telah menyarankan tadi sekurang-kurangnya 10 buah dermaga lagi hendaklah diwujudkan. Ini termasuklah pengendalian kargo kering, kargo am dan kontena.

Tuan Pengerusi, saya menyarankan demikian ialah supaya Pelabuhan Pasir Gudang ini merupakan satu pelabuhan yang boleh menandingi pelabuhan-pelabuhan yang ada di sekitarnya. Dari situ kita boleh mengeksport barangan negara kita tidak lagi melalui Singapura dan saya rasa sampailah masanya kita tidak menggunakan pelabuhan asing bagi mengeksport barang keluaran negara kita. Justeru itu, hendaklah pelabuhan ini dilengkapi dengan erti kata yang sebenar-benarnya.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 030200 Pengurusan dan Operasi Lapangan Terbang, mukasurat 222. Mula-mula saya suka menyentuh soal perjanjian udara. Saya mendapat tahu sebanyak 42 perjanjian udara dengan negara asing telah ditandatangani, tetapi MAS hanya menggunakan 14 daripada perjanjian ini, sementara yang lebihnya adalah digunakan oleh negara asing. Soalnya, kenapakah MAS tidak menggunakan sebahagian besar dari perjanjian ini. Saya harap Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini.

Di samping itu, saya suka juga menyentuh mengenai Lapangan Terbang. Pada masa ini daripada sebanyak 18 buah lapangan terbang di negara kita, hanya 6 sahaja yang bertaraf antarabangsa, iaitu 3 di Malaysia Barat terdiri daripada Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru dan 3 lagi di Malaysia Timur, iaitu Kota Kinabalu, Kuching dan Tawau. Saya suka mencadangkan supaya pihak Kementerian dan pihak

Kerajaan menambah lagi lapangan terbang untuk perkhidmatan antarabangsa dengan menaikkan taraf- taraf lapangan terbang seperti di Ipoh, Perak, saya tahu sekaang pun usaha pembesaran telah dilakukan. Demikian juga sekurang-kurangnya satu lapangan terbang di kawasan Pantai Timur, sama ada Kuantan di Pahang ataupun Kota Bharu di Kelantan. Dengan adanya usaha pembesaran ini kemungkinan rancangan kita untuk menarik minat pelancong-pelancong datang ke negeri kita ini akan dapat lebih mudah sampai ke negara kita. Demikian juga untuk penerbangan dalam negeri, saya dapati pada masa ini Perlis belum ada, elok juga kalau dapat diadakan sebuah lapangan terbang di negeri tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai Dasar Perjanjian Pengangkutan Udara, saya suka menyentuh mengenai perjanjian MAS dan SIA yang dipersetujui beberapa tahun yang lalu hendaklah dikaji semula. Rakyat Malaysia kebanyakannya tidak berpuas hati terhadap kuota pendaratan antara MAS dan SIA. Pendaratan MAS di Lapangan Terbang Paya Lebar begitu terhad sekali, di samping itu MAS tidak dibenarkan mengambil penumpang dari Singapura untuk destinasi yang lebih jauh. Saya mendapat tahu bahawa begitu ramai penumpang dari luar negeri telah diangkut oleh pesawat SIA ke Lapangan Terbang Paya Lebar dari Lapangan Terbang Subang dan dari situ ianya bertolak ke destinasi yang lebih jauh. Sikap seperti ini kalau dibiarkan berterusan adalah merugikan negara ini. Justeru itu, Kementerian Pengangkutan hendaklah menyedari hal ini kenapakah perkara ini tidak mahu dirundingkan dengan pihak SIA dan pendaratan untuk membawa ke destinasi yang lebih jauh seperti Eropah dan Amerika harustah diberikan juga kesempatan kepada MAS.

Saya kira, Tuan Pengerusi, sudah tiba masanya bagi kita memikirkan perkara ini dengan lebih serius. Saya faham betapa apabila saya memperkatakan hal ini mungkin ada kumpulan dan golongan yang tidak senang kerana kalau mereka berkiblatkan kepada Singapura, tambahan kita ingin menekankan soal MAS ini sebagai pengangkutan kita yang patut diberi sokongan, untuk itu kita mestilah jangan menguntungkan negara Singapura sahaja, sedang kita juga telah mengenal dan mengetahui betapa negara tersebut merupakan negara yang mendukung pengaruh Zionis di rantau Asia ini.

Sekiranya Singapura mahu berkeras SIA dalam soal ini, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan agar kita memutuskan sahaja hubungan pendaratan dengan Singapura kerana tidak ada banyak mana untungnya pun perniagaan pendaratan MAS dengan Singapura.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Butiran 040200 Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan, mukasurat 222. Saya difahamkan bahawa kesesakan masih berlaku di Jabatan Perlesenan Shah Alam, Selangor di mana akibat dari kesesakan ini terdapat banyak fail-fail sepatutnya diuruskan dengan segera telah terbengkalai. Kementerian yang berkenaan adalah digesa untuk membuat siasatan lanjut dalam masalah ini dan mengatasi perkara ini seberapa segera yang boleh. Saya tahu JPJ Selangor juga telah mengadakan satu tempat ataupun cawangannya di Sabak Bernam. Pada masa ini bangunan itu sangat menyedihkan dan terletak di pinggir sungai yang tak banyak diketahui oleh orang. Kerana itu adalah disarankan supaya satu tempat yang lebih baik, yang strategik bagi JPJ Cawangan Sabak Bernam ini hendaklah disegerakan.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 040400, muka surat 222

mengenai Teksi. Saya juga mencadangkan bahawa kebanyakan teksi, khusus di Bandaraya Kuala Lumpur yang pada masa ini mempunyai dua cara; satu teksi yang ada meter dan satu lagi tanpa meter. Saya mencadangkan biarlah kalau boleh semua teksi di Bandaraya Kuala Lumpur ini mempunyai meter supaya senang kita mengetahui sejauh mana perjalanan kita lakukan dan berapa pula bayaran patut dikenakan. Di samping itu, kalau boleh bagi menyelesaikan kenderaan-kenderaan pengangkutan di Bandaraya Kuala Lumpur ini biarlah semua teksi hendaknya ada mempunyai kuasa hawa dingin supaya pengguna lebih selesa, sekalipun dikenakan bayaran yang lebih.

Demikian juga saya suka menyentuh soal Ujian Memandu Lesen yang diusahakan oleh JPJ. Pada masa ini pada saya ujian memandu itu agak berat, kadangkala seorang yang ingin mendapatkan lesen sampai 3, 4 kali dikehendaki mengambil ujian bertulis. Ada setengah pihak mengatakan walaupun mereka ini lulus dalam ujian pertama kali, tetapi pihak JPJ sengaja tidak memberikan hal ini kerana ini untuk melihat sejauh mana kegigihan pemohon itu untuk mendapatkan lesen. Sejauh manakah kebenaran kenyataan ini, saya pulangkan kepada penjelasan Yang Berhormat Menteri. Di samping itu, perbuatan menahan-nahan lori di tengah jalan oleh JPJ dengan sebab-sebab tertentu, ini juga perlu dikaji semula kerana setengah-setengah tempat keadaan ini boleh mengganggu perjalanan dan dari situ juga mungkin boleh menimbulkan satu kemalangan yang tidak disengajakan.

Jadi itu sahaja, Tuan Pengerusi, pandangan saya. Dengan ini saya menyokong perbelanjaan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Belud.

4.50 ptg.

Tuan Maidom bin Pansai (Kota Belud): Tuan Pengerusi, saya hanya mahu bercakap sedikit sahaja dalam perkara ini iaitu merujuk kepada mukasurat 222, Maksud Bekalan 49, Butiran 040200—Program Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan, pertama sekali saya ingin menarik perhatian Kerajaan mengenai pendaftaran kenderaan di negeri Sabah yang mana hanya boleh dibuat di bandar-bandar utama sahaja seperti di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahat Datu, Keningau, Kudat dan Beaufort. Ini menyebabkan keadaan Jabatan-jabatan yang berkenaan kadangkala begitu penuh sesak dan sibuk sekali sehingga mengakibatkan keadaan yang tidak selesa sama ada kepada para pegawai dan kakitangan Jabatan itu, mahupun kepada orang ramai yang datang ke pejabat itu untuk berurusan. Memandangkan kepada keadaan ini, saya merasa bahawa Kerajaan sepatutnya mengembangkan perkhidmatan pendaftaran kenderaan ini ke bandar-bandar yang lain ataupun pekan-pekan utama seperti Kota Belud, Tuaran, Papar, Ranau, Tambunan, Kota Marudu dan lain-lain tempat yang dianggap sesuai dan perlu.

Yang kedua, mengenai Pelesenan Kenderaan. Dalam perkara ini, ingin saya menarik perhatian Kerajaan tentang keadaan jalan-jalan raya di Sabah. Sepertimana yang kerap kali disentuh oleh Ahli-ahli dari Sabah, kebanyakan jalan di negeri itu atau lebihkurang 90% masih lagi belum berturap dengan tar dan dalam keadaan yang begitu buruk sekali di mana para pengguna atau tegasnya tuan-tuanpunya kenderaan terpaksa berhadapan dengan situasi yang sungguh tidak menyenangkan sama ada di segi keselesaan kerana keadaan jalan-jalan raya yang berdebu pada

waktu musim kemarau dan bermandi lumpur pada waktu musim hujan. Yang lebih teruk lagi bila tuan-tuanpunya kenderaan terpaksa membawa kenderaan mereka ke bengkel-bengkel ataupun, dengan izin, workshop untuk membaiki kenderaan dari masa ke semasa untuk penyelenggaraan akibat keadaan jalan raya yang berlubang di sana sini di sepanjang jalan-jalan raya.

Saya percaya berdasarkan kepada apa yang dapat saya lihat, dengan izin, standard jalan-jalan raya di Sabah adalah masih jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan standard jalan-jalan raya yang ada di Semenanjung Malaysia. Apa yang amat menyedihkan sekali ialah kadar bayaran cukai jalan atau, dengan izin, road tax, di Sabah hanya sedikit sahaja perbezannya dengan kadar yang dikenakan di Semenanjung Malaysia tanpa mengambil kira sedikit pun mengenai jurang perbezaan standard jalan raya yang begitu besar sekali. Ini saya fikir adalah suatu perkara yang amat tidak logik. Sepatutnya Kerajaan mengambil kira semua faktor-faktor tersebut untuk menentukan kadar cukai jalan di satu-satu tempat itu. Dengan demikian adalah menjadi suatu kewajaran bagi Kerajaan untuk menurunkan kadar cukai jalan (road tax) kepada kadar yang jauh lebih rendah daripada kadar yang sedang berkuatkuasa di negeri itu pada masa ini.

Tuan Pengerusi, kelojikan penurunan kadar bayaran cukai jalan (road tax) adalah berasaskan kepada perbezaan ketahanan (durability) di antara kenderaan yang digunakan di Sabah dan di Semenanjung Malaysia, iaitu jika kenderaan yang digunakan di Semenanjung Malaysia boleh tahan digunakan sehingga 10 tahun lamanya, kalau tidak lebih daripada itu, manakala di Sabah pula hanya boleh tahan setakat 7 tahun sahaja, kalau tidak kurang dari itu dan selepas itu

kenderaan itu tidak lagi sesuai untuk berada di jalan raya. Justeru itu, Kerajaan adalah mempunyai asas yang teguh untuk menurunkan kadar cukai jalan (road tax) seperti yang dicadangkan itu sehinggalah kepada masa bila jalan-jalan raya di negeri itu sudah diperbaiki kepada standard jalan-jalan raya seperti apa yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Pandangan yang saya berikan ini adalah dibuat dalam konteks ertikata keadilan yang dilaung-laungkan dan menjadi pegangan hidup kita bersama di negara kita Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Pengerusi, hanya setakat ini sahaja yang dapat saya sentuhkan dalam perkara ini dan semoga segala pandangan yang telah saya utarakan ini, yang telah menjadi sungutan rakyat Sabah selama ini dapatlah kiranya diberikan pertimbangan positif oleh pihak Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.56ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada mukasurat 221, Butiran 010200 mengenai Perancangan dan Pembangunan.

Berhubung dengan perkara perancangan dan pembangunan di bawah Kementerian Pengangkutan, saya suka menyuarakan tentang cadangan Kerajaan untuk menswastakan Perkhidmatan Keretapi.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa Kerajaan supaya mengambil satu pendekatan yang berhati-hati dan memberikan kesempatan supaya cadangan itu diberikan perhatian dan kajian yang teliti dan mendalam sebelum mengambil apa-apa keputusan untuk

menswastakan Perkhidmatan Rel. Kerajaan hendaklah meminta pandangan-pandangan dari Persatuan-persatuan Pengguna dan pakar-pakar dalam bidang pengangkutan untuk pertimbangan Kementerian yang berkenaan sebelum membuat apa-apa keputusan ke atas perkara ini. Kerajaan hendaklah menimbang pandangan para pengguna yang berkait rapat dalam hal ini. Seandainya Kerajaan memutuskan untuk menswastakannya, yang boleh mengakibatkan kenaikan harga tambang keretapi, adalah perlu ditegaskan di sini bahawa mereka yang menggunakan perkhidmatan rel biasanya datang dari golongan berpendapatan rendah dan seandainya berlaku apa-apa kenaikan harga tambang yang tidak munasabah, yang tidak adil maka merekalah yang akan menerima akibatnya.

Adalah perlu bagi Kerajaan mengkaji cadangan penswastakan ini dengan berhati-hati dan jika hendak diswastakan sama ada ianya penswastakan sepenuhnya ataupun sebahagian sahaja, tentu dalam kajian ini banyak hal yang perlu diteliti, seperti Akta Keretapi, 1948 dan juga kedudukan kewangan KTM masa kini. Apa juga keputusan yang Kerajaan akan lakukan pada akhirnya, saya suka menegaskan di sini bahawa kepentingan orang awam dan dalam hal ini kepentingan para pengguna keretapi yang merupakan sebahagian besarnya hendaklah dititikberatkan. Para pengguna yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah seperti yang saya telah katakan tadi, mestilah dilindungi dengan secukupnya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin beralih kepada Butiran 010100 mengenai pentadbiran Kementerian yang berkenaan. Atas perkara pentadbiran, saya suka merujuk kepada berbagai-bagai pengumuman yang telah dibuat oleh Yang

Berhormat Menteri yang berkenaan dalam bulan April dan Mei tahun ini mengenai tindakan mempermudah ujian memandu dan pengeluaran lesen di samping menghentikan segala red tape, dengan izin, dan melonggarkan peraturan-peraturan dengan tujuan untuk memberikan kemudahan yang lebih efisien kepada orang ramai.

Menurut Yang Berhormat Menteri, satu pasukan petugas telah ditubuhkan untuk mengkaji dan membuat garis panduan. Beliau juga ada menyatakan bahawa satu jawatankuasa pusat mengenai melonggarkan peraturan-peraturan telah ditubuhkan bagi mengawasi langkah-langkah melonggarkan peraturan-peraturan supaya menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai.

Tuan Pengerusi, saya berharap bahawa pelbagai pengumuman ini tidak sahaja mencari publisiti ataupun hendak tinggalkan sebagai janji-janji sahaja, tetapi dijadikan satu kenyataan yang positif, satu kenyataan yang akan meningkatkan prestasi berbagai jabatan di bawah Kementerian yang berkenaan dalam berurusan dengan orang ramai.

Sehingga sekarang aduan awam mengenai pelbagai jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan masih banyak lagi diterima. Maka saya menyeru Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya memberikan penjelasan yang lengkap dalam Dewan ini tentang apakah pencapaian positif yang telah dicapai sejak beliau membuat pengumuman-pengumuman tersebut pada awal tahun ini.

Menyentuh tentang aspek Pentadbiran ini juga, saya ingin membangkitkan satu perkara yang ada berkaitan dengan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Unit Penguatkuasaan, iaitu berkenaan dengan rayuan-rayuan oleh pemandu-pemandu teksi dalam Bandaraya Kuala

Lumpur bagi mengecualikan mereka daripada menggunakan talipinggang keselamatan berasaskan ke atas bukti yang diberikan oleh pemandu-pemandu teksi bahawa talipinggang keselamatan ini digunakan untuk mengikat mereka semasa kejadian samun atau rompakan ke atas teksi ini berlaku. Kini terdapat banyak kes rompakan dalam teksi yang berlaku dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan setiap kali rompakan berlaku, perompak-perompak akan menggunakan talipinggang keselamatan untuk menjerut atau mengikat leher pemandu-pemandu teksi sebelum mereka dirompak.

Saya yakin bahawa Kementerian telah menerima memorandum daripada berbagai-bagai Pertubuhan Pemandu-pemandu Teksi dalam Bandaraya mengenai perkara ini dan saya harap bahawa satu keputusan dapat diambil dengan segera supaya pengecualian boleh diberi kepada pemandu-pemandu teksi dalam Bandaraya yang sering menjadi mangsa perompak-perompak yang menggunakan talipinggang sebagai senjata untuk merompak pemandu-pemandu teksi ini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 222, Butiran 040600 mengenai Penguatkuasaan Undang-undang. Mengenai aspek Penguatkuasaan ini, saya suka merujuk kepada Ordinan Lalulintas, 1958 yang sekarang sudah ketinggalan zaman, ketinggalan masa. Inilah masanya bagi Ordinan Lalulintas yang dibuat dalam tahun 1958 disemak semula dan dipinda supaya menghadapi perubahan semasa.

Saya menggesa Menteri berkenaan supaya memberitahu Dewan yang mulia ini apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan setakat ini untuk menyemak semula Ordinan Lalulintas, 1958 yang ada sekarang dan

dikemaskinikan supaya memenuhi keperluan masa kini. Saya harap bahawa Kementerian tidak akan melengah-lengahkan lagi untuk mengemukakan pindaan kepada Ordinan yang didapati sudah ketinggalan masa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.04ptg.

Tuan S. S. Subramanian (Hulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.49, mukasurat 221, Butiran 020100—Pengangkutan Laut Semenanjung. Saya ingin merujuk kepada Penswastaaan Operasi KONTENA di Pelabuhan Kelang baru-baru ini.

Kita dapat tahu Operasi KONTENA di LPK ini ialah satu operasi yang memperolehi keuntungan yang begitu besar kepada Pelabuhan Kelang kita. Daripada penswastaaan ini saya dapat tahu hanya Operasi KONTENA yang diswastakan, tetapi operasi-operasi lain seperti Marine Services, dengan izin, dan lain-lain perkhidmatan kepada Pelabuhan ini tidak akan diswastakan dan ini akan membawa Lembaga Pelabuhan Kelang ke satu peringkat di bawah mana perkhidmatan yang akan diberi oleh LPK boleh merosot ke satu taraf yang saya rasa Pelabuhan ini boleh menghadapi masalah-masalah perkhidmatan kepada kapal-kapal yang akan sampai ke Pelabuhan Kelang ini.

Oleh itu, sepertimana yang saya telah membangkitkan di dalam ucapan Belanjawan saya, kita harus mengkaji sedikit sebanyak sebagaimana kita boleh menswastakan bukan sahaja operasi-operasi yang memberi keuntungan banyak kepada negara tetapi juga operasi-operasi yang tidak akan membawa keuntungan diswastakan bersambung dengan

operasi-operasi yang boleh memperolehi keuntungan kepada negara kita.

Inilah satu perkara yang penting oleh kerana ada terdapat beberapa pelabuhan di negara jiran kita yang mengambil barang-barangan kita kepada pelabuhan mereka dan untuk menarik semua barangan dalam Malaysia kepada pelabuhan kita, kita harus menaikkan taraf perkhidmatan kepada kapal-kapal yang sampai ke negara kita. Saya ingin merayu kepada Kerajaan kita untuk mengkaji dengan telitinya sebagaimana kita boleh menswastakan semua operasi yang kita ada di dalam Pelabuhan Kelang kita dan bukan satu aspek sahaja yang ada potensi untuk keuntungan.

Saya merujuk kepada muka surat 222, Butiran 040200—Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan.

Tuan Pengerusi, sepertimana kita telah lihat cukai untuk kereta-kereta diesel dan juga kereta-kereta teksi telah pun dinaikkan apabila harga petroleum telah dinaikkan dalam tahun 1983 dan 1984. Dengan kenaikan harga petroleum itu, cukai kepada kereta-kereta diesel telah pun dinaikkan. Tetapi memandangkan di atas harga petroleum telah pun diturunkan ke paras yang boleh dikatakan sesuai pada masa ini, nampaknya cukai untuk kenderaan diesel ini tidak diturunkan.

Saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan kita bahawa kereta-kereta diesel yang sedang digunakan ialah untuk kegunaan teksi-teksi, peniaga-peniaga dan juga pengusaha-pengusaha yang memerlukan kenderaan setiap hari, bukan sahaja untuk satu jam atau dua jam, tetapi untuk masa daripada pagi sampai ke petang dan dengan tidak ada apa-apa kerosakan kepada kereta itu. Oleh kerana kereta diesel ialah satu kenderaan yang boleh jalan terus dari pagi sampai ke petang dengan tidak

ada apa-apa gangguan, untuk menggalakkan peniaga-peniaga di negara kita, pihak Kerajaan harus memberi perhatian kepada cukai kereta diesel.

Oleh itu, saya ingin memohon dan merayu kepada pihak Kerajaan kita untuk mengurangkan harga cukai kereta diesel, untuk membolehkan semua pengusaha-pengusaha dan juga peniaga-peniaga menggunakan kereta diesel dengan mudahnya dalam negara kita. Saya rasa dengan kekurangan cukai kepada kereta diesel ini, kita boleh memperolehi lebih ramai orang menggunakan kereta diesel dan ini akan menaikkan pendapatan cukai untuk satu taraf seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Kewangan.

Saya merujuk kepada muka surat 223, Butiran 00800—Pembaharuan Landasan untuk Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Pengerusi, sampai masa kini terdapat landasan Keretapi Tanah Melayu yang kita sedang gunakan ialah satu landasan sahaja dan landasan ini boleh dikatakan dalam bahasa Inggeris "small gauge" ataupun luasnya begitu kecil. Landasan yang kita adakan ialah dari sejarah penjajah yang sedang dilanjutkan pada masa ini.

Saya rasa untuk membawa lebih pembangunan kepada perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu, kita harus mengadakan dua landasan dengan "gauge" yang besar ataupun luas yang besar sepertimana kita nampak di dalam negara-negara maju seperti Jepun dan Eropah, di mana "gauge"-nya ialah satu "gauge" yang besar dan juga sekurang-kurangnya ada dua landasan untuk menjalankan keretapi itu. Saya rasa ini akan mengelakkan juga beberapa kemalangan yang kita sedang menghadapi dalam Keretapi Tanah Melayu, dan oleh itu saya ingin memohon dan merayu kepada

Kerajaan untuk mengkaji sebagaimana kita boleh mengadakan dua landasan dan juga dengan "gauge" yang lebih besar daripada apa yang kita ada pada masa ini. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuantan, selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

5.10 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 222, Butiran 030000 iaitu di bawah B.49, Aktiviti 030200—Pengurusan dan Operasi Lapangan Terbang.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang kemudahan di lapangan terbang khususnya di Lapangan Terbang Kuantan. Lapangan Terbang Kuantan ini telah dianggap sebagai salah satu lapangan yang penting kerana adanya perkhidmatan udara langsung daripada Singapura umpamanya, terutama sekali untuk menampung penumpang-penumpang yang berupa pelancong-pelancong berkunjung ke sana dalam rangka pelancongan Kelab Mediterranean. Ini merupakan salah satu sebab penting mengapa Lapangan Terbang Kuantan ini menjadi begitu penting dan juga mengapa \$50 juta telah diperuntukkan, walaupun bukan untuk tahun depan tetapi untuk tahun-tahun yang akan datang demi menampung keperluan yang semakin besar.

Walaupun bagaimanapun sebagai sebuah lapangan terbang yang penting, Lapangan Terbang Kuantan ini agak berkurangan kemudahan terutama sekali untuk menampung keperluan orang-orang Islam kerana ianya tiada surau bagi keperluan bersembahyang di kalangan umat-umat Islam apabila mereka menunggu untuk menaiki kapal terbang. Hakikatnya ialah penerbangan daripada Kuantan yang selalunya sebelah malam dan ramai

penumpang, ataupun semua penumpang-penumpang harus pergi ke lapangan terbang sebelum waktu Maghrib dan kadang-kadang sekiranya berlaku kelewatan, mereka terpaksa berada di lapangan terbang itu lewat iaitu masuk waktu Isyak umpamanya, Ini menimbulkan banyak sungutan bukan sahaja di kalangan penumpang-penumpang tetapi juga di kalangan pekerja-pekerja di Lapangan Terbang Kuantan itu. Ini bertambah buruk apabila tibanya musim haji. Saya berharap pihak berkuasa iaitu Kementerian Pengangkutan akan memberi pertimbangan sewajarnya untuk mengadakan satu surau walaupun kecil di dalam kompleks Lapangan Terbang Kuantan itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah pula kepada Butiran 00800 di bawah P.49, muka surat 223 iaitu tajuknya Pembaharuan Landasan di bawah Keretapi Tanah Melayu dan saya ingin memperkatakannya sekali gus dengan Butiran 01100, di muka surat 224 iaitu tajuk—Pembelian Kereta-kereta Rail, Pecahan 01-26 buah Lokomotif.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengutarakan di sini pendapat, pandangan dan juga hujah, terutamanya saya rasa kagum juga setelah pengumuman dibuat oleh Menteri Kewangan bahawa Keretapi Tanah Melayu sedang ditawarkan untuk dibeli oleh mana-mana pihak sahaja yang berminat dengan harga \$1. Apabila peruntukan sebanyak \$69 juta ini untuk pembaharuan landasan dan peruntukan sebanyak \$66 juta untuk pembelian kereta-kereta lokomotif yang baru, sekali lagi saya melahirkan rasa kagum kerana walaupun keputusan telah dibuat untuk menjual Keretapi Tanah Melayu, Kerajaan masih lagi tidak memandang ringan terhadap perkhidmatan keretapi demi kebaikan rakyat dan demi kemudahan pengangkutan untuk maksud

penumpang dan juga untuk maksud kepentingan ekonomi kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberikan pendapat bahawa kita haruslah berwaspada tentang perkhidmatan keretapi ini supaya kita tidak sentiasa memikirkan bahawa business keretapi ini semata-mata business keretapi sahaja. Kita harus berfikir daripada aspek bahawa keretapi ini adalah business pengangkutan. Apabila kita memikirkan ianya business pengangkutan, pemikiran kita pula tentu sekali boleh menjadi lebih luas lagi supaya kita sentiasa ingin mengemaskinikan pengangkutan keretapi ini untuk melingkungi, mengatasi, kemudahan-kemudahan tradisi ataupun kemudahan-kemudahan yang sentiasa ada yang hanya terbatas kepada kebiasaannya dengan keretapi.

Tuan Pengerusi, saya ingin membandingkan kesilapan yang pernah berlaku di Amerika Syarikat umpamanya, bagaimana perkhidmatan keretapi selepas Perang Dunia Kedua, terutamanya, semakin merosot kerana adanya fikiran di kalangan pengusaha-pengusaha keretapi di sana yang terdiri daripada swasta dan juga pengusaha Kerajaan yang memikirkan keretapi ini hanya semata-mata business keretapi sahaja dan tidak merupakan business pengangkutan ataupun transportation. Oleh kerana itu mereka take for granted, dengan izin, bahawa keretapi itu hanya untuk mengangkut orang-orang dan barang-barang kecil-kecilan sahaja. Apabila timbulnya mentaliti macam ini, maka adalah persaingan yang hebat daripada pihak-pihak lain seperti truck, lorry dan juga perkapalan serta juga pengangkutan udara. Apabila timbul persaingan yang lebih efficient, maka perusahaan keretapi di sana dari tahun ke setahun semakin merosot sehinggakan sekarang ianya menghadapi persaingan

hebat daripada trucking dan juga jenis-jenis pengangkutan udara.

Kita janganlah terlalu complacent bahawa walaupun kita hanya mempunyai sebuah perkhidmatan keretapi tetapi sebenarnya keretapi itu menghadapi persaingan daripada mode of transportation, dengan izin, daripada pengangkutan lori, kontena yang lain dan juga mode of transportation yang lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan usaha hendak membarukan landasan keretapi ini yang memakan belanja kira-kira \$70 juta. Landasan keretapi ini merupakan sesuatu yang sentiasa sahaja diberi perhatian sejak dahulu lagi, terutama ketika balak merupakan satu sumber pendapatan yang tinggi, maka pemikiran di kalangan pengusaha-pengusaha balak selalu juga cuba mempengaruhi pihak-pihak berkuasa keretapi supaya membuat keputusan bahawa landasan itu mestilah daripada kayu. Walaupun satu pihak mempengaruhi yang lain tetapi proses pengamh mempengaruhi ini, apabila sampai kepada tahap di luar batasan pengawalan, akhirnya menimbulkan banyak kesusahan kepada usahawan-usahawan balak dan juga daripada segi pentadbiran keretapi. Mereka berlumba-lumba untuk membekalkan keretapi dengan landasan kayu, umpamanya, dan akhirnya kerana di luar kawalan banyak bakal landasan itu sampai sekarang ini masih berlonggok-longgok di sana sini. Saya pun lihat keadaan ini berlaku di Kuantan, banyak juga bakal landasan keretapi itu sampai sepuluh tahun kemudian masih berlonggok-longgok, akhirnya buruk begitu sahaja.

Saya percaya banyak lagi usahawan-usahawan landasan keretapi ini menghadapi kerugian kerana faktor-faktor di luar kawalan mereka dan juga faktor tertentu, mutu dan sebagainya di pihak keretapi.

Jadi, saya berharaplah wataupun kita memikirkan daripada soal business ataupun niaga kayu-kayu tempatan tetapi kita juga harus memikirkan dari segi ekonomi keretapi dalam ertikata keretapi harus mengikut cara-cara operasi keretapi-keretapi yang lebih maju, yang lebih "viable" di tempat-tempat lain seperti di Jepun, di India sekalipun dan juga di Indonesia yang mempunyai landasan-landasan yang up-to-date, ada kombinasi "concrete" dan juga unsur-unsur ataupun elemen-elemen yang lain daripada kayu kerana ini semuanya dari segi jangka panjang akan mengurangkan harga pembelian dan juga harga "maintenance", dengan izin, di pihak keretapi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, sambil saya menghayati dan mengalu-alukan sikap yang serius di pihak Kementerian Pengangkutan dalam menghadapi "mode of transportation" keretapi ini, saya juga rasa tidaklah begitu tergalak dengan mutu teknik pengurusan keretapi ini kerana sepertimana yang saudara kita dari Ulu Selangor katakan tadi landasannya tidaklah begitu luas lagi kalau kita bandingkan dengan landasan-landasan yang disediakan oleh perkhidmatan keretapi di India, di Indonesia umpamanya. Walaupun kedua-dua negara ini merupakan negara-negara yang tahap pembangunannya lebih lemah lagi daripada Malaysia, tetapi kedua-dua negara itu telah membangunkan perkhidmatan keretapi kepada tahap yang lebih memuaskan. Ini semua saya rasa kerana ada perhatian yang hebat terhadap perkhidmatan ini, tidak semata-mata dari segi penggunaan tradisi keretapi, tetapi keretapi dianggap sebagai kemudahan pengangkutan yang utama di negara-negara itu, sedangkan rakyatnya sendiri kebanyakannya menganggap keretapi sebagai kemudahan yang

susah disaingi oleh kemudahan pengangkutan-pengangkutan lain.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan sekiranya tiada lagi perancangan untuk upgradekan ke tahap seperti yang terdapat di India dan di Indonesia, saya benar-benar berharap kepada Yang Berhormat Menteri khususnya dan Kementerian amnya supaya dalam kita bersungguh-sungguh untuk menjadualkan perkhidmatan keretapi kita ini sudahlah dengan harga \$1.00; kita jangan leka bahawa perkhidmatan itu haruslah dipertingkatkan terus menerus dengan tidak mengambil kira bahawa keretapi itu akan dimiliki oleh pihak swasta.

Jadi, dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong peruntukan Kementerian Pengangkutan di peringkat Jawatankuasa ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Silakan.

5.23 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 bagi Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi, ada beberapa Ahli yang telah menyentuh di atas memperbaiki atau memodenkan kemudahan-kemudahan yang ada di jabatan-jabatan di bawah jagaan Kementerian Pengangkutan. Kemudahan-kemudahan adalah seperti pejabat-pejabat JPJ yang telah disediakan dan yang belum disediakan; seperti lapangan-lapangan terbang yang mungkin tidak begitu

moden, mungkin tidak ada kemudahan-kemudahan yang lengkap; berkenaan dengan pelabuhan-pelabuhan yang mungkin tidak mengadakan dermaga-dermaga yang mencukupi pada pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan di sini iaitu memanglah menjadi hasrat Kementerian Pengangkutan untuk menambah dan membaiki kemudahan-kemudahan atau fasilitas-fasilitas yang ada di jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan. Tetapi ini tertaklukkan kepada adakah munasabah, adakah justifikasi untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti itu pada ketika ini dan adakah tidak keperluan dari segi berbagai faktor seperti trafik ataupun penumpang-penumpang yang mencukupi yang akan menjadikan sesuatu projek "viable" dari segi ekonomi dan lain-lain. Yang penting sekali adalah adakah keadaan kewangan negara kita pada ketika ini mengizinkan pelaksanaan projek-projek seperti itu.

Tuan Pengerusi, ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh di atas pengswastaan beberapa fasilitas di bawah Kementerian Pengangkutan seperti mengswastakan KTM dengan harga \$1.00; di atas pengswastaan fasilitas seperti pelabuhan di Port Klang dan lain-lain.

Saya ingin menjelaskan di sini iaitu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengswastakan sejauh mana yang boleh kemudahan-kemudahan yang ada pada ketika ini. Ini akan dibuat, Tuan Pengerusi, di atas tujuan untuk mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dan juga untuk meningkatkan secara berperingkat-peringkat kecekapan perkhidmatan-perkhidmatan yang sedang diberi kepada rakyat jelata. Dan saya

haraplah ini boleh diterima dengan baik oleh Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana tujuan itu adalah tujuan-tujuan yang murni.

Tuan Pengerusi, ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh soal membolehkan pihak-pihak penguatkuasa sama ada Jabatan-jabatan Pengangkutan Jalan atau pihak polis untuk mengkompaunkan kesalahan-kesalahan kecil.

Tuan Pengerusi, Kementerian menerima cadangan ini dengan baik dan saya ingin menjelaskan ini juga telah menjadi hasrat Kementerian Pengangkutan dan langkah-langkah sedang diambil untuk meminda peruntukan-peruntukan yang patut dipinda Ordinan Lalulintas Jalan untuk membolehkan kesalahan-kesalahan kecil ini dikompaunkan. Dan kita berharaplah dengan langkah ini akan menyenangkan rakyat jelata yang telah melakukan kesalahan-kesalahan kecil tidak perlu lagi membuang masa menunggu di mahkamah-mahkamah dan lain-lain kesulitan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Sepang telah menyentuh berhubung dengan tangkai yang baru diambil oleh Kementerian Pengangkutan di mana pihak pengusaha-pengusaha lori-lori dan kenderaan-kenderaan berat dibenarkan membayar cukai jalan secara sebulan demi sebulan. Dan Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga telah mencadangkan supaya Kementerian berhati-hati di atas langkah ini oleh kerana adalah dikesan beberapa pengusaha-pengusaha yaij telah menggunakan kemudahan ini untuk menipu Kerajaan demi keuntungan syarikat-syarikat mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan itu, tetapi saya ingin menjelaskan di sini iaitu langkah ini telah diputuskan di atas

rayuan persatuan pengusaha-pengusaha lori-lori sendiri untuk menolong mereka mengatasi kesulitan-kesulitan yang sedang dihadapi oleh mereka dan Kementerian bersimpati dengan kesusahan yang sedang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha lori-lori oleh kerana Kementerian tahu negara kita sedang melalui keadaan kemelesetan ekonomi di mana kebanyakan peniaga di dalam negara kita menghadapi kesulitan di atas aliran wang tunai di dalam perniagaan mereka. Langkah ini untuk membolehkan mereka membayar bulan demi bulan adalah untuk menolong mereka mengadakan satu aliran wang tunai yang lebih senang.

Saya harap pengusaha-pengusaha lori jangan menyalahgunakan satu langkah yang dibuat, yang diputuskan untuk menolong mereka sendiri. Walau bagaimanapun, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Kementerian atau khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan akan berhati-hati dalam keadaan ini dan jikalau didapati ada sesiapa yang disyaki menyatahgunakan langkah ini demi untuk menipu Kerajaan, maka kemudahan ini akan ditamatkan untuk orang yang disyaki itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga telah menyentuh ke atas kenapa sekolah memandu tidak dikenakan yuran lesen. Sampai setakat ini, Tuan Pengerusi, tujuan Kementerian Pengangkutan melesenkan sekolah-sekolah memandu ini adalah untuk tujuan mengawalselia sekolah-sekolah memandu bertujuan supaya memastikan mereka menjalankan tugas mereka dengan baik, dengan taraf yang mencukupi, memberi latihan yang mencukupi dan baik kepada pemandu-pemandu yang baru dan oleh kerana itu sampai setakat ini tidaklah memasuki fikiran kita untuk mengenakan lesen di atas sekolah-sekolah memandu.

Tuan Pengerusi, ada beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh di atas beberapa dasar seperti cermin gelap dan juga alat amaran had laju yang dikenakan ke atas kenderaan-kenderaan berat di negara kita. Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan di sini iaitu ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional adalah sesuatu Kerajaan yang jujur. Apabila ada satu kesilapan kita adalah satu Kerajaan yang berani untuk menghentikan pelaksanaan dasar itu buat sementara dan dalam masa pertangguhan itu, dalam masa pergantungan itu kita cuba untuk memperbaiki sistem yang sedia ada. Semua ini telah dibuat demi kepentingan rakyat dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memahami kenapa beberapa dasar atau langkah yang telah diambil patut digantungkan buat sementara untuk memperbaiki sistem kita yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah menyentuh di atas kemalangan yang telah berlaku di gate keretapi dekat Ipoh pada tahun ini, di mana 6 orang penumpang sebuah kereta telah terkorban. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah mempersoalkan sesiapa yang patut dihukum, sesiapa yang patut bertanggungjawab di atas kemalangan ini.

Tuan Pengerusi, saya percaya kemalangan di atas landasan keretapi bukan sesuatu yang senang sahaja untuk berlaku, oleh kerana keretapi adalah satu kereta yang besar, bukan sesuatu yang tiada bunyi. Sebaliknya bunyi dari lokomotif atau enjin keretapi adalah melaung-laung dan boleh didengar dari tempat-tempat atau di jarak-jarak yang jauh sangat dan juga keretapi adalah satu kereta di mana lampunya kuat sangat dan saya percaya cahayanya boleh samai ke 400 atau 500 ela dan oleh kerana itu kemalangan yang telah berlaku di Ipoh

itu adalah dalam masa gelap, tidak patut berlaku oleh kerana bunyi dari keretapi itu tentu boleh didengar oleh rakyat yang berdekatan dengan landasan itu, dan kedua cahaya lampu itu tentu adalah kuat sangat dan boleh dinampak juga. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya tidak dapat percaya sesuatu kemalangan antara keretapi dengan apa jua kenderaan lain pun adalah tanggungjawab ataupun di atas kesilapan pemandu keretapi dan saya percaya semua kemalangan antara kenderaan-kenderaan lain dengan keretapi adalah di atas human error atau kesilapan manusia, pemandu-pemandu kenderaan-kenderaan lain yang tidak berjaga-jaga. Oleh kerana itu saya agaklah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tidak beri jalan. Saya hendak habiskan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat!

Dr Eng Seng Chai: Kerana pelanggaran kereta dengan keretapi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhonnat dari Petaling Jaya, duduk!

Dr Eng Seng Chai: Pasal buat tuduhan tidak betul,

Tuan Pengerusi (Tuan D. -P. Vijandran): Duduk Yang Berhonnat! Teruskan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Dan oleh kerana itu, saya haraplah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji jangan terlalu mengambil berat di atas laporan-laporan yang akan disediakan

sama ada oleh pihak Keretapi atau pihak Polis.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji juga telah menyentuh di atas satu terowong yang akan dibina di bawah landasan KTM di Sungkai.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pengangkutan sedar di atas projek ini dan ini akan dijalankan bersama-sama oleh Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Kerjaraya.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji juga telah membuat tuduhan ke atas pihak Penguatkuasa JPJ oleh kerana tidak mengambil tindakan yang tegas di atas bas-bas pelancongan, yang sentiasa mencuri penumpang-penumpang syarikat-syarikat lain yang sah seperti syarikat-syarikat bas dan syarikat-syarikat teksi. Saya ingin menjelaskan di sini pihak JPJ sedar di atas kejadian ini dan pihak Penguatkuasa JPJ sentiasa mengambil tindakan dari semasa ke semasa di mana laporan-laporan didapati.

Tuan Pengerusi, saya hairan juga di atas sikap Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji yang tadi telah membuat tuduhan di atas pihak JPJ, yang tidak mengambil tindakan di atas apa yang patut diharamkan seperti apa yang dibuat oleh bas-bas pelancongan, tetapi beliau juga merayu kepada Kementerian Pengangkutan supaya menghalalkan apa yang sedang diharamkan seperti teksi-teksi yang tidak berlesen, yang juga mencuri penumpang-penumpang dari syarikat-syarikat kenderaan lain seperti syarikat-syarikat teksi dan syarikat-syarikat bas yang sah dan yang berlesen.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah menyentuh di atas beberapa langkah yang patut diambil seperti memperbaiki landasan-landasan di lapangan-lapangan terbang luar bandar, khasnya di Sarawak, oleh

kerana adanya tempat-tempat yang indah yang boleh menarik pelancong-petancong seperti adventure tourists dan lain-lain. Saya juga ingin memberi jaminan di sini, iaitu Kementerian Pengangkutan akan mengambil perhatian yang berat di atas cadangan-cadangan itu.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyentuh di atas tuduhan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang telah menyentuh di atas Jawatankuasa yang telah ditubuhkan di Kementerian Pengangkutan, yang telah, sedang dan akan juga menjalankan tugas-tugasnya di atas mengurangkan regulasi yang ada atau peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada iaitu Jawatankuasa Deregulation di Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyatakan iaitu mungkin Jawatankuasa ini ditubuhkan atas tujuan publisiti sahaja. Saya ingin menjelaskan di sini iaitu kalau Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah meneliti surat-suratkhabar dari sejak Jawatankuasa ini ditubuhkan, ia tidak boleh membuat tuduhan yang tidak berasas seperti itu.

Tuan Pengerusi, inilah sahaja yang saya dapat jawab di sini dan sclain daripada itu, saya ingin memberi. . . .

Tuan Adam bin Abdul Kadir: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran): Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Minta penjelasan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Barisan bolehlah (*Ketawa*).

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi,. . . .

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dr Eng Seng Chai: Yang Berhormat Menteri kata Barisan boleh!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan buat begitu.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): . . . mengikut Peraturan Mesyuarat. (Kepada Y. B. Tuan Adam bin Abdul Kadir) Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, sebenarnya ada dua orang lagi yang bercakap tadi iaitu Yang Berhormat dari Hulu Selangor dan saya sendiri. Saya pun ada buat cadangan tadi dan juga adalah pandangan-pandangan, jadi kalau tidak keberatan Yang Berhormat Menteri tolonglah buat reaksi sedikit, kalaupun tidak ada jawapan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Boleh.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah menyentuh di atas beberapa perkara, salah satu daripadanya ialah satu cadangan iaitu Keretapi Tanah Melayu (KTM) patut mengadakan landasan kedua yang akan membolehkan KTM memberi perkhidmatan yang lebih baik.

Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan disini iaitu sama ada untuk mengadakan double tracking atau landasan yang kedua adalah suatu yang bergantung kepada beberapa faktor. Sejauh mana yang saya tahu, untuk mengadakan satu track yang baru atau double tracking, sesuatu perkhidmatan keretapi dari segi pengangkutan barang-barang patut mengangkut sampai 10 juta tan setahun dan ini dari segi pengangkutan

barang-barang sahaja. Sampai setakat ini KTM hanya mengangkut sampai 3 juta tan setahun barang-barang dan dari segi itu sahaja tidak berapa munasabah untuk membelanjakan wang yang banyak untuk membina track atau landasan yang kedua.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan ada menyentuh di atas perkara yang saya telah menjawab pada umumnya tadi, di atas ketidakmencukupi kemudahan-kemudahan yang ada di lapangan terbang khususnya Lapangan Terbang Kuantan di mana banyak pelancong-pelancong datang untuk pergi ke Kelab Med dan lain-lain tempat. Saya telah menjawab tadi iaitu apabila keadaan kewangan mengizinkan, adalah menjadi hasrat Kementerian untuk membaiki keadaan yang ada sekarang.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan!

Dr Eng Seng Chai: Atas satu tuduhan, tuduhan tidak benar, Tuan Pengerusi, bagaimana.
(*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat dari Petaling Jaya, saya beri amaran. Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila duduk!

Dr Eng Seng Chai: Pihak Kementerian yang salah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yjjandran): Yang Berhormat duduk!

Dr Eng Seng Chai: Saya minta penjelasan!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak boleh secara hak itu!

Dato Dr Ling Liong Sik: Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya ingin lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$122,992,500 untuk Maksud B.49 dan \$10 untuk B.50 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$122,992,500 untuk Maksud B.49 dan \$10 untuk B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual,

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$203,690,160 yang disebutkan dalam Maksud P.49 dan \$26,610,000 untuk Maksud P.50 dalam Anggaran Perbelanjaan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$203,690,160 untuk Maksud P.49 dan \$26,610,000 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1987.

Maksud B.51, B.52 dan B.53 (Jadual)—

Maksud P.51, P.52 dan P.53 (Anggaran Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.51 hingga B.53 dan Kepala Pembangunan P.51 hingga P.53 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$39,573,300 untuk Maksud

B.51; \$10 untuk Maksud B.52 dan \$10 untuk Maksud B.53 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$39,573,300 untuk Maksud B.51; \$10 untuk Maksud B.52 dan \$10 untuk Maksud B.53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$135,714,010 yang disebutkan dalam Maksud P.51; \$10 untuk Maksud P.52 dan \$10 untuk Maksud P.53 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$135,714,010 untuk Maksud P.51; \$10 untuk Maksud P.52 dan \$10 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1987.

Maksud B.54 (Jadual)—

Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.54 dan Kepala Pembangunan P.54 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

5.55 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman); (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila Yang Berhormat dari Kemaman, mukasurat 243.

Tuan Ismail bin Said: 243, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Butiran?

Tuan Ismail bin Said: Butiran 00300

Tuan Pengerusi: Perkhidmatan Akhlak.

Tuan Ismail bin Said: Perkhidmatan Akhlak, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Tuan Ismail bin Said: Cuma satu perkara sahaja yang hendak saya sentuh di sini mengenai di bawah program ini, iaitu ada satu golongan masyarakat di negara kita, yang saya kira kurang dapat perhatian masyarakat dan mungkin juga kurang mendapat perhatian daripada Kementerian sungguhpun perkara ini pernah dibangkitkan dalam beberapa tempat tetapi dalam Parlimen ini, saya percaya belum lagi dibangkitkan.

Golongan ini saya anggap ialah merupakan golongan yang kurang bernasib baik iaitu golongan pondan. Jadi, apabila kita sebut pondan, tanggapan ramai bahawa pondan ini adalah merupakan golongan yang mempunyai rendah akhlak mereka dan mereka ini saya anggapkan tidak mendapat pembelaan daripada mana-mana pihak setakat ini. Jadi, akibatnya kita dapati bahawa golongan pondan ini akhlaknya tidaklah begitu baik, kerana mereka ini didapati berkeliaran, terutama sekali di waktu malam dalam bandar-bandar, bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi juga di tempat-tempat lain.

Saya mengambil kesempatan di sini di bawah program ini supaya pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya mengadakan satu kegiatan khusus ataupun program yang khusus untuk membela nasib mereka ini. Nasib yang boleh saya anggapkan oleh kerana kejadian mereka ini yang tidak bernasib baik supaya mereka ini terbela, sekurang-kurangnya pihak

Kementerian Kebajikan Masyarakat kumpulkan mereka ini, memberi didikan kepada mereka supaya mereka menjadi orang yang berguna kepada masyarakat dan orang yang dihargai oleh masyarakat, tidak lagi dihina oleh masyarakat sebagaimana kita hadapi pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya berharap benar-benar kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya mengadakan satu kegiatan ataupun satu program untuk mengumpul mereka ini di satu tempat yang khusus. Kalau boleh saya cadangkan, kita adakan satu pusat khas untuk golongan ini dan kita mengadakan berbagai-bagai program, sebagaimana yang kita adakan pusat-pusat perkhidmatan bagi orang-orang cacat dan sebagainya. Jadi, dengan hal yang demikian, dapatlah kita membela mereka ini supaya mereka tidak lagi berkeliaran di bandar-bandar dan juga di tempat-tempat yang lain ataupun di tempat-tempat yang boleh mencurigakan, Tuan Pengerusi.

Dengan itu, saya menyokong peruntukan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau.

5.55 *ptg.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Nanti sekejap, saya baharu hendak sebut.

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong dan mengambil bahagian. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 241 ya?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, 241. Yang pertama, saya bercakap fasal B.54, Butiran 020000 di bawah Program 020100—Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, kita dapati peruntukan untuk Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak pada tahun 1986 dan 1987 kita dapati tidak banyak berbeza. Dalam hal ini saya rasa, saya tidak tahu macam mana Kementerian merancang tetapi saya berpendapat bahawa manusia makin bertambah dan manusia yang mati saya raa berkurangan, adalah kurang daripada manusia dilahirkan tiap-tiap hari. Dengan itu perkhidmatan kepada keluarga dan kanak-kanak adalah penting dan sepatutnya peruntukan ini dalam bentuk pertambahan bukan daiam bentuk pengurangan sebagaimana yang ditunjukkan. Kita sedar bahawa anak-anak adalah penting sebagai jenerasi untuk dirancang supaya mereka dapat membentuk satu jenerasi hari muka yang boleh dibanggakan.

Dalam hal ini, saya ingin menyentuh tentang program yang telah dikemukakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat berhubung dengan perkhidmatan kanak-kanak iaitu perkhidmatan pra sekolah ataupun perkhidmatan daripada kosong hingga ke pra sekolah. Kita tahu bahawa kanak-kanak yang dilahirkan daripada umur kosong; kosong ini hari yang pertama dilahirkan sehinggalah ke umur pra sekolah, iaitu dia masuk ke taman asuhan kanak-kanak, kita dapati anak-anak tidak ada satu cara yang khusus untuk dididik. Tetapi kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat di mana mereka telah merancang mengeluarkan buku-buku panduan untuk tujuan ini.

Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk melihat

satu program yang telah diperkenalkan oleh pihak swasta iaitu yang diperkenalkan oleh Institut Nuri yang telah dikelolakan oleh bekas Ketua Pengarah Perancang Keluarga iaitu Datin Dr Norlailiy. Program ini saya rasa adalah satu program yang baik, di mana satu percubaan telah dibuat, di mana anak-anak berumur selepas 40 hari, selepas "gerai" orang kata, telah dihantar ke Pusat ini dan kita dapat melihat perkembangan yang begitu mendadak daripada umur 40 hari sehingga ke umur 2 tahun. Kita lihat anak-anak ini adalah berlainan kalau sekiranya dibandingkan dengan kanak-kanak biasa yang dibiarkan hidup dengan didikan daripada ibubapa. Kita tahu semua ibubapa sayang kepada anak-anak, dan dengan itu didikannya adalah berdasarkan kepada latarbelakang ibubapa yang berkenaan, Tetapi didikan yang khusus dan berancang, saya rasa tidak pernah dibuat, dan Institut Nuri ini telah memperkembangkan ilmu mereka dengan memperkenalkan di beberapa buah kampung di negeri Kedah, dan saya rasa satu lagi daripada projek yang telah mereka membuat usaha-sama ialah projek Sang Kancil di Wilayah Persekutuan ini.

Ini adalah suatu perkara yang harus dilihat oleh Kementerian sebagai usaha yang baik yang dijalankan oleh pihak swasta, dan pihak Kementerian tidak harus menganggap bahawa kurikulum yang telah dibuat oleh pihak Kementerian merupakan kurikulum yang terbaik dan kurikulum pihak swasta itu mungkin dianggap agak kurang baik kalau dibandingkan dengan apa yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebajikan. Tetapi saya rasa adalah perlu satu pendekatan yang menyeluruh yang membolehkan Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya mengambil kira apa yang telah diperkenalkan oleh Institut Nuri. Lagi pun orang yang mengelolakan Institut ini adalah orang yang berpengalaman luas dalam bidang kedoktoran dan saya

sendiri pernah melawat ke tempat tersebut dan beberapa anak orang-orang besar dan juga anak Menteri-menteri dihantar ke pusat-pusat ini untuk dilatih dan juga diajar. Tetapi oleh kerana peralatan yang digunakan oleh Institut ini di mana Institut ini mengenakan bayaran hampir \$300 satu bulan, yang mana orang-orang kampung tidak mampu, saya rasa Kementerian Kebajikan patut mengambil kira Kurikulum dan juga peralatan-peralatan mengajar yang telah dicipta oleh Institut ini sebagai salah satu daripada barang-barang ataupun alat-alat yang boleh diambil kira oleh pihak Kerajaan untuk dijadikan sebagai asas pengajaran anak-anak di bawah umur pra-sekolah.

Kita harus ingat bahawa mengikut kajian Yang Berhormat dari Kepong yang seorang doktor, ianya mengetahui bahawa asas pemikiran atau otak anak-anak dalam lingkungan umur satu tahun itu boleh dibentuk dalam masa tersebut, iaitu dalam bentuk computer for information, dengan izin. Maknanya komputer ini telah diprogram atas pengalaman-pengalaman yang akan menjadikannya hidup sebagai manusia di masa hadapan. Kalau sekiranya pengalaman-pengalaman pahit dan juga suasana yang kurang baik dialami semasa dia berada di dalam alam kanak-kanak ini, maka ianya mungkin mempengaruhi kedudukannya apabila dia membesar.

Kita pernah mendengar banyak pendapat bahawa kadang-kadang kita memberi makanan seperti susu di bawah rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan semasa mereka berada di sekolah, iaitu satu peringkat yang mereka telah pun membesar dan mereka tidak perlu lagi khidmat sokongan makanan-makanan yang tinggi yang demikian rupa sebagaimana yang mereka sangat-sangat perlukan di bawah umur yang saya sebutkan. Jadi Kementerian patut

mengambil ingatan perkara ini dan patut melihat kepada banyak syarikat swasta yang telah memperkenalkan perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak ini untuk dicantumkan semuanya supaya dijadikan satu kurikulum yang khusus sebagai satu kurikulum pihak Kerajaan.

Walaupun kita tahu bahawa kebanyakan pra-sekolah ini dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di bawah KEMAS, tetapi bagi anak-anak yang di bawah umur ini kita lihat belum lagi ada mana-mana Kementerian yang khusus yang menganjurkannya melalui pegawai-pegawai Kementerian seperti yang dibuat oleh KEMAS. Namun demikian pihak swasta banyak memberi penumpuan kepada perkara ini dan banyak keluarga-keluarga yang menghantar anak-anak ini bukan dengan tujuan untuk berancang, tetapi tujuan mereka ialah untuk membolehkan anak-anak itu dijaga semasa mereka pergi bekerja dan sebelah petangnya diambil balik. Tetapi biarlah ini dijadikan satu kemestian supaya bukan sahaja anak-anak yang berpendapatan tinggi tetapi mereka yang berada di luar bandar, yang berpendapatan rendah juga dapat menikmati perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak. Dengan itu kita akan dapat rakyat Malaysia ataupun jenerasi Malaysia di hari muka yang boleh menggambarkan satu jenerasi yang sihat, tidak suka bergaduh dan kuat sebagaimana yang pernah dibuat oleh Kerajaan Roman Empire dulu, iaitu mereka didik anak-anak di peringkat yang mana dipelihara oleh Kerajaan, dididik dan ia menjadi satu bangsa yang kuat tetapi oleh kerana ia lalai, ia telah jatuh.

Jadi kita berharap Kementerian Kebajikan ini janganlah melihat aspek-aspek lain sahaja, tetapi berikanlah perhatian tentang perkara-perkara yang disebutkan tadi. Ini adalah satu

daripada jalan, kalau sekiranya kita hendak mencapai semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Saya rasa ini adalah satu jalan yang paling tepat yang mana anak-anak dididik di satu pusat, di satu tempat, dan ibubapa akan bekerjasama untuk memastikan pusat-pusat didikan tersebut diberi perhatian dari masa ke semasa. Ini sudah menjadi sifat manusia daripada apa bangsa sekalipun, mereka sayang kepada anak-anak yang baru lahir dan dengan itu apabila mereka sayang kepada anak-anak, mereka juga sayang melihat anak-anak mereka bergaul di antara satu dengan lain dan dengan itu, secara otomatis mereka juga akan berbaik-baik di antara satu dengan lain. Jadi dengan sebab itu, saya beri penekanan yang cukup mendalam dan pihak Kementerian sepatutnya melihat perkara ini dengan lebih serius supaya, kalau boleh, memotong peruntukan yang lain itu dan masukkan lebih kepada peruntukan ini di mana saya lihat peruntukan ini agak rendah. Ia sepatutnya dalam bentuk yang mendatar seperti yang saya sebutkan tadi, iaitu orang beranak ataupun orang hidup lebih banyak daripada orang yang mati. Jadi tidak sepatutnya peruntukan itu dikurangkan.

Berhubung dengan Perkhidmatan Akhlak dibawah B.54, mukasurat 241, di bawah Butiran yang sama seperti yang saya katakan tadi iaitu di bawah Program 020300, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kemaman tadi, yang telah mencadangkan supaya satu pusat diadakan untuk melatih ataupun untuk membentuk akhlak anak-anak muda. Saya rasa pusat yang dimaksudkan itu telah pun ada, tetapi pusat ini ialah untuk mendidik anak-anak yang nakal. Kita belum ada pusat yang khusus dalam membentuk akhlak. Tetapi kalau sekiranya kita hendak menubuhkan pusat ini dengan peruntukan \$8 juta, ini adalah satu perkara yang agak tidak munasabah.

Jadi atas dasar bahawa Kerajaan menghadapi masalah dari segi kewangan pada tahun depan, saya cadangkan supaya dibuat satu program yang menyeluruh yang membolehkan pihak Kementerian untuk mengatur seminar-seminar ataupun latihan-latihan dengan kerjasama pusat-pusat latihan yang lain. Jadi makna kata pihak Kementerian mungkin dapat menyediakan kurikulum ataupun garis panduan tertentu untuk membolehkan latihan-latihan khusus diadakan kepada Perkhidmatan Akhlak ini. Saya rasa perkara ini penting kerana Perkhidmatan Akhlak ini bukan sahaja melibatkan mereka yang terlibat dengan perkara-perkara yang anti sosial, tetapi juga kepada mereka yang saya rasa terlibat dengan penagihan dadah. Jadi Perkhidmatan Akhlak ini oleh kerana peruntukannya tidak banyak biarlah satu program yang "integrated", dengan izin, dengan pusat-pusat latihan yang lain untuk membolehkan ianya diperkembangkan dengan lebih khusus.

Saya juga ingin menyentuh tentang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sebentar. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak berucap tajuk ini?

Beberapa Orang Ahli: (Bangun)

Tuan Pengerusi (D. P. Vijandran): Ada. Kalau begitu, saya beri Yang Berhormat lagi dua minit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya pun sudah bersedia hendak berhenti kalau ada orang hendak berucap, Tuan Pengerusi.

Akhir sekali, saya ingin gulung ucapan ringkas ini iaitu berhubung di bawah P.53.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Mukasurat berapa?

Tuan Shahidin bin Kassim: Mukasurat 243, Butiran 02200 Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Miri, Sarawak. Saya cuba hendak tengok tadi, takkan di Sarawak sahaja dan saya tidak dapat bercakap perkara ini, Tuan Pengerusi, sebab saya tersilap tadi, sebenarnya peruntukannya cuma \$10.

Jadi dengan ini saya ingin menggulung, Tuan Pengerusi, bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat di samping kita melihat masalah orang miskin, masalah orang cacat, masalah perkhidmatan akhlak dan sebagainya, biarlah kita beri perkhidmatan yang khusus, iaitu dengan melihat pendidikan awal anak-anak. Ini penekanan yang saya rasa Kementerian Kebajikan Masyarakat patut berikan oleh kerana apabila kita dapat didik manusia yang baru lahir itu ke arah yang sewajarnya, kita akan mendapat masyarakat ataupun generasi yang sihat yang boleh membantu pihak Kerajaan dan dapat mengurangkan usaha-usaha kebajikan yang lain di pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat,

Dengan itu saya ucap terima kasih dan menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.13 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, Kementerian Kebajikan Masyarakat P.57, muka surat 241, saya minta izin supaya dirangkumkan sekali kerana ada kaitan dengan apa yang saya hendak cakapkan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu Butiran 02000 Perkhidmatan Pencegahan dan Pemulihan dan di dalam Program 020100 Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak dan juga 020200 Perkhidmatan Orang Cacat dan 020300 Perkhidmatan Akhlak.

Tuan Pengerusi, dalam hal Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, kita tahu Kebajikan Masyarakat adalah satu Kementerian yang bertanggungjawab yang telah pun diarahkan oleh pihak Kerajaan kita untuk menjaga kepada orang-orang yang tidak bernasib baik dalam penghidupan sehari-hari terhadap diri mereka. Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan mereka yang saya sebut nanti, iaitu orang cacat, buta, pekak dan seterusnya bukanlah kehendak mereka sendiri, ini adalah kehendak Allah s.w.t.

Dalam keadaan ini kita mengharapkan sungguhpun pihak Kerajaan bersedia telah pun mengajar mereka bersekolah dan juga belajar dan seterusnya, tetapi sekarang ini masih banyak lagi, sama ada pihak-pihak Kerajaan dan juga pihak-pihak swasta sungguhpun mereka ini ada pengalaman ataupun pelajaran, kadangkala mereka ini tidak diambil untuk bekerja. Ini menjadikan masalah kepada mereka semua kerana masalah ini timbul selalu sangat mereka ini datang berjumpa saya untuk mendapatkan pertolongan mencari pekerjaan, sama ada seumpama Telefon Operator kepada orang yang buta dan untuk menaip kepada orang yang cacat yang boleh bekerja, tetapi apa yang saya dapat tahu daripada mereka ini apabila pergi untuk meminta kerja kepada swasta ataupun kerajaan kadangkala selalu sangat mereka ditolak. Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkan supaya Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan satu undang-undang kalau boleh, kerana mereka ini bukan banyak sangat, diwajibkan tiap-tiap syarikat itu jikalau perlu mengambil mereka ini untuk bekerja.

Dalam soal yang lain, Tuan Pengerusi, berhubung Perkhidmatan Keluarga. Ini juga dalam negara kita yang moden ini dan kadangkala orang-orang tua-tua, lebih-lebih lagi yang

kadangkala sakit sungguhpun mereka ini ada wang, ada harta, tetapi kadangkala anak-anak tidak mahu membela mereka ini. Adakalanya ada anak-anak yang begitu bertanggungjawab juga tidak mahu membela ibu ataupun bapa dia, tetapi mereka ini sanggup untuk memberikan kepada orang untuk membela sebagai Perkhidmatan Keluarga tadi yang mana saya mendapat tahu ada juga di Kuala Lumpur ini pihak swasta yang ingin membuat rumah perkhidmatan untuk orang-orang tua-tua ini tetapi pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat dan juga pihak Majlis Perbandaran yang ada enggan memberikan lesen kepada mereka ini. Oleh itu, dalam masalah ini bagi mengelakkan masalah yang kita tidak mahu orang-orang tua-tua ataupun datuk ataupun nenek-nenek kita yang telah tua mereka ini supaya dapat pembelaan. Kalau ada pembelaan yang seumpama ini bagi mengelakkan tanggungjawab pihak Kerajaan, kemungkinan tidak mencukupi kewangan untuk membela mereka ini, apa salahnya pihak Kerajaan memberikan perkhidmatan ini kepada mereka yang sanggup untuk membuat perkhidmatan yang saya sebutkan tadi.

Sebagai orang cacat yang saya sebut tadi, ini juga masalah yang besar di Kuala Lumpur ini. Umpamanya orang pekak dan orang buta yang mana seringkali kita melihat mereka ini membawa tongkat putih berjalan di tepi-tepi jalan dan seterusnya, mereka itu menjual kacang, gula-gula dan kadangkala ada mereka ini meminta sedekah dan juga kadangkala mereka ini main menyanyi dan seterusnya. Kita malu dengan keadaan mereka ini kerana negara kita bukanlah negara yang begitu papa, negara kita mampu lagi untuk memberi makanan ataupun pekerjaan kepada mereka. Kalau boleh supaya mereka ini diberi tempat yang sewajarnya, tidak dibenarkan mereka ini berkeliaran sama ada kadangkala naik di pejabat, turun

pejabat membawa bakul dan seterusnya, ini memalukan kepada kita. Di samping itu juga mendatangkan kasihan kepada kita memandangkan mereka turun-naik, tetapi jualan yang dibuat itu tidak dapat dibeli ataupun tidak dapat dijual. Oleh itu dalam masalah ini kita mengharapkan pihak Kementerian supaya mencari jalan agar mereka ini tidak berkeliaran sebagaimana saya sebutkan tadi.

Dalam masalah ini juga kepada orang-orang yang buta yang mana pada masa ini kalau tak silap saya pihak Kementerian ada memberi bantuan \$50 kepada mereka ini tiap-tiap bulan.

Sungguhpun sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita pun tahu keadaan ekonomi negara kita meleset tetapi rasa saya dengan \$50 itu tidak mencukupi. Cubalah lebihkan sedikit, sedangkan mereka ini menyewa flat-flat dengan harga \$96, kadangkala mereka ini telah pun berkahwin dan mempunyai anak. Kalau kita pergi ke rumah mereka dan melihat keadaannya, Tuhan sahaja yang tahu; duduk di atas lantai dan kadangkala rumah yang diduduki itu tidak berbayar hingga berbulan-bulan. Pihak Dewan Bandaraya umpamanya dan juga pihak-pihak yang lain kadangkala memotong api dan api kerana mereka ini tidak dapat dipindahkan. Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan, oleh kerana mereka ini berkeadaan yang tidak mampu, tidak ada pekerjaan supaya dapat dipertambahkan bantuan buat masa sekarang ini. Kalau sudah mereka ini mendapat pekerjaan yang tetap, bolehlah dipotong balik dengan bantuan yang saya sebutkan tadi. Kita tidak mahu masalah ini berlaku. Banyak sangat berlaku, umpamanya di tempat saya khasnya di Kuala Lumpur, mereka yang duduk di flat; pihak Dewan Bandaraya terpaksa mengambil tindakan tetapi bagaimana mereka hendak menghalau.

Menyentuh soal akhlak. Soal akhlak ini kalau kita tidak jaga kemungkinan negara kita juga akan dilanda sebagaimana juga negara-negara yang telah maju. Kita mahu negara kita ini iaitu negara yang berbilang kaum dan bangsa dapat kita menunjukkan kepada negara luar yang negara kita ini bersih daripada akhlak yang tidak baik. Kita mengharapkan supaya akhlak-akhlak yang dilakukan ataupun yang telah dibuat oleh orang-orang yang tidak berperper kemanusiaan kadangkala mereka ini berniaga dengan cara memperniagakan anak-anak gadis daripada kampung-kampung. Mereka ini memperdayakan gadis-gadis dengan cara pergi ke kampung-kampung, mencari gadis-gadis dengan mengatakan kepada ibu bapa mereka untuk mencarikan pekerjaan, tetapi setelah sampai di Kuala Lumpur lain pula pekerjaan yang disuruh buat, iaitu pekerjaan-pekerjaan yang tidak baik dengan menjadikan mereka ini perempuan-perempuan pelacuran dan sebagainya. Ini juga kita harap supaya dapat pihak Kerajaan sama ada Kementerian yang berkenaan ataupun Menteri-menteri yang lain supaya mengambil tindakan yang sewajarnya kepada mereka yang bertanggungjawab ini kerana masalah ini sering sangat berlaku di kampung-kampung pendalaman. Kadangkala ibu dan bapa mereka setelah mendapat tahu hal ini ada yang hendak membunuh diri dan sebagainya kerana mendapat tahu anaknya telah pun dijadikan alat-alat yang seumpama ini.

Dalam masalah ini kita mengharapkan kepada orang-orang yang menjual ataupun mencari makan ataupun harta dengan cara yang jijik ini supaya pihak Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya. Soal ini juga berlaku di Kuala Lumpur dan di pekan-pekan yang besar. Kita tahu banyak rumah-rumah pelacuran. Ini adalah akibat daripada akhlak ini tadi. Ini juga harus pihak Kerajaan mengambil usaha yang lebih supaya

rumah-rumah prebet ataupun rumah-rumah yang digunakan untuk maksiat ini supaya dapat, sama ada pihak Kerajaan atau pihak Kementerian sendiri bekerjasama dengan pihak polis dan juga kepada pihak orang-orang yang beragama Islam supaya pihak Majlis Agama Islam Negeri masing-masing bertanggungjawab dalam soal ini.

Menyentuh mengenai pihak Majlis Perbandaran pula, saya mengharapkan dan mencadangkan jikalau sudah tahu perkara-perkara seperti ini ada di dalam rumah itu, jalan yang lebih baik untuk mengelakkan supaya mereka ini tidak menggunakan rumah-rumah itu lagi ialah kita mengharapkan supaya pihak yang berkenaan, umpamanya pihak Lembaga Letrik Negara, Bekalan Air, Telekom dan seterusnya yang ada dibekalkan ke rumah itu hendaklah dipotong. Dengan adanya potongan ini dan dengan tidak adanya kemudahan-kemudahan asas yang saya sebutkan tadi kemungkinan mereka ini tidak lagi menggunakan rumah itu dan jikalau dibuat lagi, kita potong lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Baik, terima kasih.

Itulah harapan saya untuk mengelakkan negara kita ini tercemar dan jangan dibuat ataupun digelar oleh pelancong-pelancong apabila mereka balik ke negara mereka, mereka mengatakan negara kita ini sebuah negara yang tidak baik, terjejas; lebih-lebih lagi negara kita ini adalah negara yang kebanyakan rakyatnya beragama Islam dan seterusnya.

Dengan ini saya dengan sukacitanya menyokong di atas peruntukan yang diberi kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Titiwangsa.

6.25 *ptg.*

Drs Sulaiman bin Mohamed (Titiwangsa): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada mukasurat 241, Butiran 020200, Maksud B.54—Perkhidmatan Orang-orang Cacat.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menarik perhatian mengenai Sistem Bahasa Isyarat yang dianjurkan kepada orang-orang atau kanak-kanak yang cacat pendengarannya. Sejak kebelakangan ini kita menyedari bahawa terdapat satu penggubalan terhadap Sistem Bahasa Isyarat yang telah dengan rasminya iaitu Bahasa Malaysia Kod Tangan yang merupakan satu sistem rasmi yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan, tetapi malangnya terdapat satu penggubalan terhadap Sistem Bahasa Isyarat ini yang bercanggah sedikit dengan BMKT atau Bahasa Malaysia Kod Tangan ini yang boleh merosakkan akidah orang-orang cacat pendengaran Islam bila penggubalan itu berlaku.

Saya mengambil contoh di sini, sistem-sistem yang digubal itu yang boleh mengelirukan pengertian seperti presiden dan Agong digunakan satu isyarat. Raja atau Raja Permaisuri dan Sultan menggunakan satu isyarat. Senikata Lagu Negaraku pun satu isyarat. Tuhan dan Allah satu dan di segi Islam pula terdapat bahawa penggubalan isyarat-isyarat ini untuk Tuhan dan Allah, bacaan Bismillah dan mengucap dua kalimah shahadat ini dengan menggunakan gerakan "father, mother dan holy ghost". Ini

terdapat penggubalan yang dibuat oleh orang-orang yang tertentu dan saya rasa Kementerian Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab terhadap kekeliruan ini dan satu usaha mesti dibuat supaya kanak-kanak cacat pendengaran ini, yang terdiri daripada orang-orang Islam tidak dibawa terpesong dengan sistem bahasa isyarat yang sama ada dengan tujuan tertentu atau sengaja dibuat supaya kanak-kanak ini mengikut sistem isyarat tangan yang hampir kepada agama Kristian.

Saya dukacita di atas perkara ini dan kalau ini terus berlaku dan kalau Kementerian tidak mengambil tindakan dan menelitinya, kita khawatir anak-anak yang cacat pendengarannya akan mengalami satu dilema yang paling besar di dalam hidupnya. Perkara ini pun terdapat keluar dan disiarkan dalam satu akhbar mengenai bahasa isyarat dan ini banyaklah terdapat bantahan-bantahan sama ada daripada persatuan-persatuan seperti ABIM dan juga persatuan-persatuan lain supaya tindakan diambil segera. Sistem yang seumpama ini. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk sekejap.

Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.